

# Jendela Sarawak

✓ INDEKS

**Wadah untuk Karyawan Sarawak**

Ogos 2000/Jamadilawal 1421

Diterbitkan 4 Bulan Sekali



UCAPAN... Dato Haji Adenan Haji Satem berkata kerajaan Negeri Sarawak bersedia memperuntukkan dana kerajaan RM50,000.00 bagi membeli buku karya penulis Sarawak. Turut kelihatan Pengarah DBP Cawangan Sarawak, Abdul Rahman Yusof dan ADUN Semariang, Hajah Dona Babel.

## Karyawan Sarawak : Kesatuan dalam Kepelbagaian

Oleh Abang Patdeli Abang Muhi

**PERHIMPUNAN** Penulis Berbilang Kaum Sarawak baru sahaja selesai disempurnakan pada 4 dan 5 Julai 2000. Perhimpunan yang bertemakan *Karyawan Sarawak : Kesatuan dalam Kepelbagaian* amat besar maknanya bagi menelusuri dan melestarikan pengembangan sastera kebangsaan di Sarawak. Perhimpunan itu telah dihadiri oleh sekitar 100 orang penulis, sasterawan dan budayawan dari seluruh Sarawak, di samping dari Semenanjung Malaysia.

Memang Sarawak agak terkebakang berbanding dengan negeri-negeri lain di negara ini dalam usaha mengangkat dan memartabat sastera kebangsaan. Walau bagaimanapun, Sarawak tidak kalah dengan kegiatan-kegiatan sastera yang berprestij, baik di peringkat negeri maupun negara. Anugerah Sastera Negeri Sarawak (ASNS), Dialog Borneo Kalimantan, Dialog Teluk, Pekan Teater, Hadiah Penghargaan Penulis

Sarawak, Hadiah Novel Sulung Sarawak Shell – DBP dan sebagainya adalah sebahagian daripada acara sastera yang cukup signifikan di bumi bertuah itu.

Penulis Sarawak sudah banyak mencipta nama di peringkat kebangsaan. Antaranya termasuklah Adi Badiozaman Tuah (puisi), Saiee Driss (puisi), Jais Sahok (cerpen/novel), Jong Chian Lai (novel/cerpen), Awangku Merali Pengiran Mohamed (cerpen), Latifah Haji Shebli (puisi), Hajijah Jais (cerpen) Jeniri Amir (kritikan), Zainal Abidin Suhaili (puisi), dan Zaini Oje (teater). Maka, Sarawak kendaripun tertinggal pada suatu masa, kini telah bangkit dan turut mewarnai sastera kebangsaan negara.

Perhimpunan Penulis Berbilang Kaum Sarawak merupakan peristiwa sastera yang penting berlaku menjelang alaf baru. *Karyawan Sarawak : Kesatuan dalam Kepelbagaian* menyingkap tema, persoalan dan

falsafah yang cukup signifikan dalam menentukan arah tuju penulis dan perkembangan sastera kebangsaan di Sarawak, sekaligus menuntut penghasilan karya yang menjurus ke arah manifestasi nilai-nilai bangsa yang luhur dan utuh.

Sarawak yang rencan dan mewah dengan segala macam flora dan fauna etniknya cukup kaya dengan khazanah bahasa, sastera dan budaya. Bahasa, sastera dan budaya etnik yang pelbagai dan unik itulah yang wajar diterokai, dicerna dan diolah sekreatif serta sebijak mungkin oleh setiap penulis di negeri itu. Selebihnya, para penulis juga harus lebih bertanggungjawab untuk memanipulasikan dan merealisasikan tema kesatuan dalam kepelbagaian sebagai hala tuju sastera kebangsaan di negeri itu.

Di samping para penulis yang sewajarnya memainkan peranan sebagai penulis yang bersambung di halaman 2...



Edaran Percuma  
ISSN : 1511 - 8053

**Menarik di dalam:**



Tokoh: Haji Muhammad Bujang

muka surat 3



Bahasa Kebangsaan di papan tanda dan iklan

muka surat 4



PUTERA: Mampu bertahan selama 20 tahun

muka surat 15

**Talian Khidmat Bahasa**

Tel : 03-24886898, 03-24680045  
03-24662646, 03-24656557  
082-444711  
Faks : 03-24866868, 03-24678778  
(Bahagian Bahasa)  
082-444707

**Bahasa Jiwa Bangsa**

SAR - M 0283 / 08

## Sidang Editor

### Ketua Editor

Abdul Rahman Yusof  
rahman @ dbp.gov.my

### Editor

Che Zainab Omar  
chezai @ dbp.gov.my

### Penolong Editor

Huznah Sait  
huznah @ dbp.gov.my  
Jaafar Hamdan

### Ahli Sidang

Jiso Rutan  
Jaraiee Sawal  
Nasruddin Abdullah  
Idros Samsudin  
Zasran Abdullah  
Hazami Jahari  
Abang Padeli Abang Muhi  
Jonathan Singki Lintan  
Abang Haliman Abang Julai

### Editor Bersekutu

Jeli Bohari Biha (Miri)  
Drs. Jakarsi (Kalimantan Selatan)  
Dr. Chairil Effendi (Kalimantan Barat)  
Drs. Maryedie (Kalimantan Timur)

### Pelapor

Awang Zaidel Awang Jamil

### Jurutaip

Unit Jurutaip

### Perekaletak

Awang Kelana Awang Hassan

### Pembaca Pruf

Rosani Hiplee

### Pengedaran

Enchana Labau  
enchana @ dbp.gov.my



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

### Pengerusi

Dato' Haji Abdul Rahim Abu Bakar

### Ketua Pengarah

Haji A. Aziz Deraman

### Timbalan Ketua Pengarah

Haji Abu Bakar Mohamed

### Pengarah Penerbitan

Rohani Zainal Abidin

### Penerbit

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Cawangan Sarawak  
Peti Surat 1390  
93728 KUCHING, SARAWAK  
Tel : 082 - 444711  
Faks : 082 - 444707  
E. Mail : dbpsar@po.jaring.my

## Daripada Editor

*Jendela Sarawak* yang menemui anda ini bukanlah idea yang timbul dengan tiba-tiba. Penerbitan ini ialah hasil pengendapan pemikiran yang agak lama. Sebelum ini Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak telah menghasilkan satu risalah *Bahasa* yang diterbitkan tiga bulan sekali. Risalah ini dihentikan penerbitannya pada tahun 1994. Sejak penerbitan

Bahasa dihentikan terdengar suara-suara yang meminta risalah ini dihidupkan semula untuk menampung karya penulis Sarawak yang semakin bertambah dan yang tidak tertampung oleh media tempatan mahupun media di peringkat nasional. Alhamdullilah dengan terbitnya *Jendela Sarawak* ini, kami berharap permintaan itu terisi juga.



Mesyuarat penyelarasan tabloid bahasa dan sastera di Kota Bharu dipengerusikan oleh Ketua Pengarah DBP, Hj. A. Aziz Deraman.

Walaupun penerbitan ini lain daripada risalah yang terdahulu itu, pembaca yang pernah mengikuti *Bahasa* akan mendapati beberapa persamaan. Sesuai dengan peredaran zaman, *Jendela Sarawak* diterbitkan dengan format yang lebih besar iaitu dalam bentuk tabloid, dan dari segi isi terdapat perluasan dan sajian yang lebih rencam.

Perlu disebut bahawa penerbitan ini mendapat restu dan impetus dari Ibu Pejabat, khususnya daripada Ketua Pengarah, Tuan Haji A. Aziz Deraman yang meminta semua pejabat Cawangan dan Wilayah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mempunyai tabloid bahasa dan sasteranya sendiri. Berkat keprihatinan beliau inilah maka beberapa mesyuarat penyelarasan diadakan untuk membincangkan konsep,

tatacara dan jadual penerbitannya. Daripada mesyuarat itu diputuskan bahawa setiap penerbitan, di pejabat DBP Cawangan dan Wilayah itu, mestilah mempunyai identiti dan citra yang sama. Maka hasil daripada pemikiran dan pemuaafakan itu, lahir *Jendela Sarawak* (untuk Sarawak dan Kalimantan), *Jendela Sabah* (untuk Sabah dan Kawasan Sekitarnya), *Jendela Timur* (untuk Kelantan dan Trengganu dan Selatan Thai), dan *Jendela Utara* (untuk Kawasan Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, Selatan Thai dan Utara Sumatera).

Menurut perancangan asal, tabloid yang dirancang terbit empat bulan sekali ini akan memuatkan berbagai-bagai ruangan mengenai bahasa, sastera dan budaya di Sarawak dan wilayah yang berhampiran dengannya. Apabila ke-

luaran pertama ini siap, banyak rubrik yang dirancang tidak dapat dimuatkan. Masalah utama ialah keterbatasan ruang. Kami merancang untuk 32 halaman, sedangkan keluaran sulung tabloid ini hanya 16 halaman. Seandainya keluaran ini mendapat sambutan yang menggalakkan, kami akan berusaha menambah jumlah halamannya dan insya-Allah, frekuensi penerbitannya. Maklum balas daripada pembaca amat dialu-alukan dan mudah-mudahan dengan penglibatan yang aktif daripada pembaca sekalian kita dapat sama-sama meningkatkan mutu penerbitan ini. Selamat membaca!

**Abdul Rahman Yusof**

dan fauna budaya, bahasa, sastera, falsafah dan tentang pandangan hidup masyarakat heterogenous Sarawak.

Karya-karya yang sarat bermuat pelbagai dimensi budaya, sastera, bahasa dan pandangan hidup masyarakat Sarawak diharap mampu memaknakan kesatuan dalam kepelbagaian sesuai dengan nilai-nilai moral dan etika murni masyarakat berbilang kaum.

*Kesatuan dalam Kepelbagaian* antara lain telah menyerlahkan hubungan timbal-balik antara penulis dengan masyarakat. Justeru masyarakat adalah sumber ilham, inspirasi dan objek utama kepada para penulis, maka menjadi kewajipan serta tanggungjawab moral penulis untuk memahami, menghayati, melestarikan dan memanifestasikan realiti yang wujud

dalam masyarakat. Para penulis Sarawak juga dituntut agar lebih bertanggungjawab untuk menzahirkan segala kebenaran dalam masyarakat dengan berani, jujur dan rasional. Para penulis dan penggiat sastera juga harus mencetuskan dan menghidupkan nilai-nilai seni serta kemanusiaan yang halus dan murni. Dengan kata lain, penulis harus membicarakan dan mempertahankan kebenaran dengan bertunjangan keberanian, hati nurani dan rasional lantas menghindari pengungkapan tema-tema serta persoalan-persoalan yang bersentimen kesukuan dan etnosentrisme.

Maka, menjadi tanggungjawab para penulis, karyawan dan budayawan di Sarawak untuk menggunakan kebebasan berkarya bagi mengungkapkan apa juga tema, persoalan dan mesej dengan

Sesungguhnya para penulis, budayawan dan karyawan Sarawak bertanggungjawab memaknakan kesatuan dalam kepelbagaian tanpa mengorbankan nilai-nilai moral, kepercayaan dan kemanusiaan yang menjadi asas yang kuat dan utuh dalam masyarakat pelbagai kaum dan etnik di Sarawak.

### ...sambungan dari halaman 1

bertanggungjawab, institusi-institusi sosial dan pendidikan yang lain juga harus memainkan peranan serta tanggungjawab sosial dan moral mereka bagi memastikan kelancaran, kecerlangan dan keberkesaan perkembangan serta pemantapan sastera kebangsaan di Sarawak. Lantaran itulah, pada Perhimpunan Penulis Berbilang Kaum Sarawak yang lalu telah diusulkan agar satu memorandum akan diserahkan kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi menubuhkan Fakulti Kesusastraan di universiti itu.

Selain itu, pada Perhimpunan itu juga, Dato Haji Adenan Haji Satem, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sarawak telah menyatakan kesediaan Yayasan Sarawak dan juga Yayasan Budaya Melayu Sarawak untuk menaja penerbitan

buku yang berkaitan dengan masyarakat dan budaya rakyat Sarawak yang dihasilkan penulis Sarawak sendiri. Beliau juga bersedia untuk berbincang tentang penyediaan dana kerajaan berjumlah RM50,000.00 bagi membeli buku-buku yang dihasilkan para penulis Sarawak.

Perhimpunan itu juga memperlihatkan betapa karyawan Sarawak begitu prihatin, beriltizam dan berprakarsa jitu untuk memajukan, mengembangkan serta memperkasa bidang penulisan dan sastera kebangsaan di Sarawak.

Selain itu, para penulis, karyawan dan budayawan yang menghadiri perhimpunan itu, juga cukup bersemangat untuk ikut serta mencorakkan arus perdana sastera kebangsaan dengan hasrat dan tekad untuk menghasilkan karya-karya yang sarat dengan flora

### Pencetak

*Jendela Sarawak* diterbitkan setiap empat bulan sejak awal Ogos 2000. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang tersiar tidak semestinya mencerminkan pendapat atau pendirian Dewan Bahasa dan Pustaka.

***Jendela Sarawak diedarkan percuma. Untuk mendapatkan nashkah, sila datang sendiri atau hubungi Sidang Editor Jendela Sarawak di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, Peti Surat 1390, 93728 KUCHING, SARAWAK.***

**Tel : 082 - 444711, Faks : 082 - 444707, E. Mail : dbpsar@po.jaring.my**

# MOHAMMAD BUJANG : SASTERAWAN NEGERI SARAWAK YANG PERTAMA

SAR-M0284/08

Oleh Hazami Jahari

**MOHAMAD** Bujang lahir di Kampung Hilir Sri Aman, Sarawak pada 25 Januari 1915. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Government Vernacular School dalam tahun 1925 hingga lulus darjah lima. Kemudian beliau telah melanjutkan persekolahannya di Madrasah Melayu, Kuching untuk tiba menjadi guru pada tahun 1931.

Dalam peperiksaan akhir tahun untuk memilih bakal guru pelatih yang layak dihantar ke Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) Tanjung Malim, Perak, beliau mendapat markah tertinggi. Maka pada tahun 1935 beliau memasuki MPSI sebagai guru pelatih, iaitu kumpulan kedua anak Sarawak yang dihantar ke maktab tersebut.

Lebih kurang dua tahun di MPSI, Mohamad Bujang balik ke Sarawak (1937) dan ditugaskan mengajar di Sekolah Abang Aing, Simanggang (sekarang Sri Aman). Beliau sebenarnya dilantik sebagai Guru Besar pada tahun 1945 sebelum dipindahkan ke Madrasah Melayu Sarawak, iaitu sebuah maktab perguruan yang melatih para guru yang akan mengajar di Sarawak. Mohamad Bujang bertugas di Madrasah Melayu Sarawak sehingga tahun 1952.

Pada tahun 1953, Mohamad Bujang kembali bertugas di Sekolah Abang Aing, Simanggang.

Memandangkan pengalaman serta prestasi perkhidmatan yang cemerlang, beliau dinaikkan pangkat sebagai penyelia kumpulan Sekolah Rendah Bahagian ke-2 (Bahagian Sri Aman) mulai tahun 1955. Akhirnya pada tahun 1971, beliau bersara daripada perkhidmatan pendidikan. Walau bagaimanapun

keterampilan, pengalaman dan wawasan beliau yang amat terkehadapan menyebabkan Mohamad Bujang tidak bersara lama. Pada tahun 1972 beliau dilantik sebagai Penyelia Kelas Perpaduan Rakyat. Jawatan ini disandang hingga tahun 1975. Selain memegang jawatan rasmi dalam kerajaan, beliau juga diberi kepercayaan menganggotai beberapa pertubuhan sosial, keagamaan dan kebajikan.

Antara pertubuhan yang dianggotai oleh beliau ialah Pengurus Lembaga Amanah Masjid Bahagian (Sri Aman), Ahli Persatuan Melayu Sarawak Cawangan Sri Aman dan Ahli Tertinggi Majlis Islam Sarawak.

Mohamad Bujang mula aktif menulis ketika menuntut di MPSI (1935 – 1937). Dorongan tersebut timbul daripada galakan salah seorang pensyarah MPSI ketika itu, Cikgu Harun Aminurasyid. Pada peringkat awal ini beliau menulis cerita pendek dan syair. Dipercayai bahawa beliau merupakan antara penulis Sarawak yang paling awal menyiaran karya dalam surat-surat khabar di Semenanjung Tanah Melayu (Malaya) seperti *Warta Ahad*, *Warta Malaya* dan *Warta Jenaka*. Selain itu beliau turut menghantar tulisannya, terutama rencana ke akhbar di Sarawak iaitu *Utusan Sarawak* dan *Balai Muhibbah*.

Kekuatan karya penulis yang menggunakan nama pena Melati Sarawak dan Ikhlas ini terletak pada pandangan masa depannya yang melangkaui zamannya sendiri. Misalnya dalam syair ‘Faerah Zaman Kesahan’ (*Warta Jenaka*, 22 Mac 1937), Mohamad Bujang mengingatkan bangsa Melayu supaya bekerja bersungguh-sungguh

untuk meningkatkan taraf ekonomi. Jika bangsa Melayu malas, maka hidup kita akan mlarat dan merana. Antara lain beliau menulis :

*Pendek kata zaman sekarang ialah zaman memaksa orang mesti bekerja dengan bergirang. Hiduplah kelak tidak mengerang*

Sementara dalam syair ‘Kemajuan’ (*Warta Ahad*, 29 Mei 1937) penulis ini melihat betapa bangsa Melayu mesti bergerak seiring dengan kemajuan zaman. Jika tidak bangsa Melayu akan ketinggalan dalam segala aspek kehidupan. Hal ini antara lain diungkapkan sebagai :

*Sekira-kira kemajuan dapat diseru, tak payah dibuat terburu-buru, tentulah bangsa kita lama dan maju, ke medan kemajuan memegang teraju.*

Dalam genre cerita pendek pula, pandangan jauh Mohamad Bujang terhadap pendidikan anak-anak diketengahkan secara yang amat menarik. Melalui cerpen ‘Siapa Salah’ (*Warta Melayu* 28 Februari 1938, Jan – Mac 1938) beliau telah mengungkapkan masalah anak Melayu yang mendapat pendidikan Inggeris. Zhari anak Melayu yang tinggal di Kuching diberikan pendidikan Inggeris oleh bapanya sehingga tamat Junior Cambridge.

Masalah telah timbul apabila Zhari yang mendapat berkelulusan Inggeris itu tidak mendapat pekerjaan, lantas pergi ke Singapura untuk mencuba nasib. Walau bagaimanapun, Zhari telah lupa diri lalu bercinta dan berkahwin dengan anak seorang ahli Kristian. Zhari sanggup menukar

agama menjadi pengikut Kristian, semata-mata cinta akan isterinya itu.

Inilah kesan pendidikan Inggeris terhadap anak Melayu yang cuba diterapkan oleh Mohamad Bujang dalam cerpennya. Di sini, Melati Sarawak mahu mengingatkan masyarakat agar berhati-hati terhadap dakah penjajaah melalui pendidikan Inggeris yang mereka perkenalkan. Dalam hal ini, beliau tidak menentang sekolah Inggeris, tetapi beliau cuba mengingatkan bangsanya agar lebih berhati-hati.

Semangat cinta akan bangsa dan tanah air paling ketara diungkapkan oleh Mohamad Bujang melalui penulisan rencana. Pandangan beliau terhadap kemajuan bangsa ternyata amat ke depan. Hal ini dibuktikan melalui rencana beliau ‘Perubahan dan Kemajuan’ (*Warta Ahad*, 27 Jun 1937). Dalam rencana ini beliau menyindir bangsa Melayu yang tidak mampu bergerak seiring dengan bangsa asing. Kemajuan yang berlaku di Tanah Melayu menurutnya bukan atas usaha dan kepandaian bangsa Melayu sendiri, sebaliknya atas kerja orang asing.

Dalam rencana yang sama juga Mohamad Bujang menegur akhbar yang hanya pandai membuat kritikan kepada masyarakat, tetapi tidak pernah membuat cadangan yang konkret. Sebagai contoh, akhbar mengkritik bangsa Melayu yang tidak pandai bermiaga, tetapi dalam masa yang sama akhbar tidak membuat cadangan tentang cara-cara bermiaga yang betul. Hal ini menyebabkan masyarakat tetap berada ditakuk yang lama. Oleh hal yang demikian, beliau menyarankan akhbar agar membuat cadangan-



DIHARGAI... Haji Mohammad Bujang menerima anugerah daripada TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Ahmad Zaidi Adruce.

cadangan yang konkret untuk membantu memajukan bangsa Melayu.

Berkaitan dengan kemajuan bangsa ini ada beberapa buah lagi rencana beliau yang memperkatakan tentang perkara ini. Antara rencana tersebut ialah ‘Cara-Cara Berhuma Patut Diperbaiki’ (*Utusan Sarawak*, 26 Disember 1949).

Dalam rencana ini, penulis cuba menarikkan tentang cara-cara pertanian yang lebih moden, canggih dan menguntungkan petani. Pandangan beliau ternyata praktikal kerana sebahagian besar petani ketika itu masih lagi menggunakan cara lama dalam bertani.

Selain membincangkan aspek kemajuan kehidupan bangsa Melayu, Melati Sarawak atau Ikhlas juga secara khusus menyatakan pandangannya terhadap isu politik negeri Sarawak. Sebagai salah seorang ahli Persatuan Melayu Sarawak (PMS) beliau turut menentang penyerahan Sarawak kepada British pada tahun 1946. Rasa tidak senang beliau terhadap Inggeris diungkapkan dalam rencana ‘Penyakit Sarawak’ (*Utusan Sarawak*, 15 Ogos 1949) dan

‘Mengapa Sarawak Diserahkan’ (*Utusan Sarawak*, 3, 10 dan 17 Oktober 1949).

Dua rencana tersebut ternyata merupakan bantahan secara langsung Mohamad Bujang terhadap penyerahan Sarawak kepada Inggeris. Bagi beliau penyerahan Sarawak kepada Inggeris bermakna menyerahkan hak dan ketuanan Melayu kepada bangsa asing.

Semangat nasionalisme Mohamad Bujang sebenarnya lahir sejak awal-awal lagi. Namun permasalahan politik yang meruncing di Sarawak pada tahun 1940-an menjadikan beliau lebih lantang melalui ketajaman mata penanya. Maka sebahagian besar nada tema dan persoalan yang dikemukakan dalam karyanya adalah manifestasi sikapnya yang amat mengasihi bangsa dan tanah air sendiri.

Pada saat-saat terakhir hidupnya, Mohamad Bujang walaupun sudah terlalu uzur masih mampu memberi nasihat dan menurunkan ilmu penulisan kepada generasi baru. Beliau sentiasa dikunjungi oleh penulis muda di Sri Aman untuk menimba pengalaman

beliau yang amat luas dan berharga. Sebagai mengenang jasa serta sumbangannya yang tidak ternilai dalam bidang bahasa dan sastera, maka pada 29 Disember 1994, Mohammad Bujang telah dianugerahkan Sasterawan Negeri Sarawak dalam ASNS yang pertama. Anugerah ini ialah lambang perjuangan dan kegigihan beliau dalam memajukan bangsa.

Namun pada 1 Januari 1998, bersamaan 2 Ramadhan 1418 Hijrah sekitar jam 6.00 petang, beliau kembali menemui ilahi. Pemergian beliau pada usia 83 tahun telah meninggalkan khazanah pemikiran dalam bentuk tulisan yang amat berharga kepada generasi kini. Dharmawijaya ketika menyampaikan ucapan memperkenalkan Mohammad Bujang sebagai penerima ASNS 1994 merakamkan jasa dan kehebatan Mohammad Bujang melalui pantun :

*Dari sepi alam di Simanggang,  
Hingga bertukar ke panggilan Sri Aman,  
Dialah dikenali  
Mohamad Bujang,  
Putera cekal di gelora zaman.*

Oleh Zasran Abdulah

## Ibu Pejabat Bukan Ibupejabat

SOALAN yang sering diajukan kepada saya apabila saya menyampaikan ceramah bahasa ialah kemusyikan berkait dengan ejaan setengah-setengah kata majmuk atau penulisan gabungan kata dalam bahasa Melayu. Misalnya dalam ejaan kata majmuk atau gabungan kata yang sedemikian yang sering menyebabkan pengguna tertentu keliru.

Dalam bahasa Melayu, terdapat perkataan yang digunakan secara bersingan dalam konteks tertentu untuk mendukung

makna yang tersendiri, misalnya perkataan *ibu*. Jika, perkataan *ibu* digunakan dalam konteks biasa, maka maknanya ialah wanita yang sudah bersuami dan sudah melahirkan anak atau beberapa orang anak. Walau bagaimanapun, perkataan *ibu* juga telah diberikan pengertian lain oleh pengguna bahasa Melayu mengikut keperluan atau tuntutan masyarakat bahasa. Dalam konteks ini perkataan *ibu* juga boleh merujuk kepada pengertian lain bergantung pada keadaan yang memerlukan diungkapkan. Misalnya dalam konteks pembentukan simpulan bahasa, maka kita terjumpa dengan ungkapan *ibu ayam*.

Perkataan *ibu* di sini tidak ada kaitan dengan pengertian ayam betina. Perkataan *ibu* ini tetap bermakna manusia dan kehadiran perkataan *ayam* di sini berperanan menerangkan sifat makna perkataan *ibu*. Dengan hal yang demikian maka tercipta pengertian khusus bagi *ibu ayam* yang dikaitkan dengan wanita yang menjadi ejen melindungi gadis tertentu untuk dibekalkannya kepada orang lelaki yang mencari kepuasan nafsu.

Jika dilihat dari segi

penulisan atau ejaan, gabungan kata *ibu ayam* ini memang jelas wujud dalam bentuk yang ditulis secara terpisah, lebih-lebih lagi peraturan ejaan rumi

bahasa Melayu dengan tegasnya menetapkan kaedah pengejaannya. Dalam bahasa Melayu, kata majmuk atau gabungan kata, telah ditetapkan cara penulisan atau pengejaannya. *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu* menetapkan bahawa bentuk yang dasarnya terdiri daripada dua morfem bebas atau lebih yang berlainan dan bergabung secara langsung ditulis atau dieja dengan lima cara. Dengan hal yang demikian bentuknya ditentukan oleh rangkaian kata bebas, istilah khusus dalam bidang ilmiah, maksud kiasan, hubungan parataksis dan yang sudah dianggap sebagai kata serangkai.

Berdasarkan lima cara penulisan yang tersebut di atas, bentuk *ibupejabat* jelas salah kerana bentuk tersebut termasuk dalam kategori penulisan rangkaian kata bebas yang sepatutnya ditulis secara terpisah. Kekeliruan dalam penulisan bentuk tersebut berpunca daripada pemahaman atau tanggapan bahawa dalam bahasa Inggeris terdapat bentuk *headquarters* yang memang ditulis serangkai. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu tidak meminjam peraturan penulisan bagi bentuk *ibu pejabat* daripada bahasa Inggeris. Sekarang nampaknya syarikat-syarikat besar seperti bank atau insurans atau syarikat kewangan lebih

kerap menamakan pejabat utamanya dengan *head office* dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, bentuk *head office* yang ditulis secara terpisah ini lebih serasi dengan bentuk *ibu pejabat* dalam bahasa Melayu.

Tinjauan saya juga menunjukkan bahawa jumlah orang yang didedahkan dengan ejaan rangkaian kata *ibu pejabat* yang salah dieja ini juga amat besar. Ada yang diarahkan untuk mengejanya secara bergabung! Demi kemurniaan dan kedaulatan bahasa Melayu, janganlah diteruskan kesalahan yang dibuat oleh orang tertentu berkait dengan perkara ini.

Kesimpulan daripada

huraian ini ialah bahawa terdapat setengah-setengah aspek bahasa Melayu, yang walaupun kecil, tetapi hendaklah kita sedari pengejaan atau penulisannya. Jika tidak, maka kesalahan akan berterusan dan usaha pengajaran bahasa di institusi pendidikan tidak dapat mencapai kejayaan yang sepatutnya.

Jalan yang mudah dan perlu diamalkan oleh para pengguna ialah ketekunan merujuk kepada kamus, misalnya *Kamus Dewan* (edisi ketiga) untuk mencari ejaan yang betul apabila sesuatu rangkaian kata atau gabungan kata hendak digunakan dalam surat rasmi, label nama dan lain-lain.

# BAHASA KEBANGSAAN DI PAPAN TANDA DAN IKLAN

Oleh Abang Haliman Abang Julai

SAR-mo286/08

SEJAK Malaysia mencapai kemerdekaan tahun 1957, bahasa Melayu telah diisytiharkan sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa kebangsaan. Dan sesungguhnya hasrat kerajaan adalah supaya bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa perpaduan nasional yang akan menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan keturunan. Selain itu, bahasa Melayu juga akan digunakan sepenuhnya dalam semua urusan selepas 10 tahun merdeka di samping sebagai bahasa pengantar pendidikan.

Merujuk Akta Bahasa Kebangsaan 1967, akta ini mewajibkan bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa rasmi tunggal dalam semua urusan rasmi kerajaan. Namun, dalam pada itu rakyat tidak dilarang menggunakan, belajar dan mengajar bahasa-bahasa lain kerana bahasa-bahasa lain juga penting terutama bagi menimba ilmu dari luar negara. Begitulah yang tercatat dalam Akta Bahasa Kebangsaan yang memberikan kelonggaran kepada rakyat Malaysia yang berbilang bangsa untuk mempelajari

bahasa-bahasa lain bagi memenuhi khazanah ilmu, tetapi bahasa Melayu haruslah diutamakan kerana bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan negara.

Dewasa ini kita dapat lihat bahawa kemajuan sains dan teknologi, dan dasar dunia tanpa sempadan (kesejagatian) telah mendorong kita untuk bergerak pantas dalam menimba ilmu pengetahuan terutama dari negara yang telah lama maju. Justeru kita tidak ada pilihan lain, selain menguasai bahasa Inggeris yang banyak dituturkan oleh masyarakat di dunia.

Keghairahan kita untuk menimba ilmu dari luar melalui bahasa asing ini telah membawa kesan dan cabaran yang amat besar kepada perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara kita, dan ada di kalangan masyarakat Malaysia terutamanya di sektor swasta telah mengabaikan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sama ada dari segi komunikasi lisan maupun tulisan.

Kita dapat lihat senario pengabaian ini dengan jelas di papan tanda perniagaan dan iklan di

tempat awam. Kesalahan bahasa banyak berlaku. Ada yang telah membuat terjemahan secara langsung daripada bahasa Inggeris (atau bahasa sumber yang lain seperti bahasa Cina) dan yang paling menyediakan kita ialah papan tanda perniagaan dan iklan yang langsung tidak menggunakan bahasa kebangsaan. Pihak swasta harus sedar dan peka terhadap penggunaan bahasa ke-

sesetengah pihak terutamanya sektor swasta yang tidak mengutamakan bahasa kebangsaan.

Apabila berbicara tentang papan tanda dan iklan di tempat awam, secara tidak langsung akan mengaitkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kuasa yang ada pada PBT dalam memberikan permit atau lesen untuk menggantung iklan di tempat awam, di kawasan di bawah bidang kuasanya

maka Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merangka satu strategi yang pragmatik dalam mengembangkan bahasa kebangsaan di

**PBT dapat mengamalkan, mengembangkan dan juga mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengurusan dan bahasa ilmu jika mereka benar-benar prihatin dan menggunakan kuasa yang ada untuk merealisasikan dasar bahasa kebangsaan.**

bangsaan yang berkualiti tinggi dalam iklan kerana bahasa mencerminkan citra bangsa. Jika pengguna bahasa tidak memperkenankan penggunaan bahasa yang baik dan betul di tempat awam, kita sebenarnya merendahkan martabat bangsa kita sendiri di mata pelancong asing. Sebagai warga Malaysia, kita juga akan berasa terhina kerana penggunaan bahasa kebangsaan yang rancu apatah lagi sikap

memainkan peranan yang penting dalam menentukan keberkesanan penggunaan bahasa kebangsaan ini. PBT dapat mengamalkan, mengembangkan dan juga mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengurusan dan bahasa ilmu jika mereka benar-benar prihatin dan menggunakan kuasa yang ada untuk merealisasikan dasar bahasa kebangsaan. Dengan hakikat inilah,

sektor kerajaan tempatan. Projek PBT Iruan yang diperkenalkan pada tahun 2000 ini merupakan satu pendekatan yang diharap dapat mendorong dan menggalakkan PBT untuk menggunakan bahasa yang betul, bermutu dan berkesan dalam semua urusan. PBT Iruan DBP ialah PBT yang telah dipilih oleh Setiausaha Kerajaan Negeri sesuai negeri dan diterima oleh DBP sebagai anak angkatnya (Iruan) dari segi

pengembangan bahasa kebangsaan-bahasa Melayu.

Di Sarawak, kerajaan negeri telah memberikan penghormatan kepada dua buah PBT iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Majlis Daerah Limbang (MDL).

Kedua-dua PBT ini mempunyai sejarah dan keistimewaan yang tersendiri iaitu Majlis Daerah Limbang merupakan majlis daerah yang pertama ditubuhkan di Sarawak dan DBKU pula merupakan Dewan Bandaraya yang mempunyai bidang kuasa di bahagian utara Bandaraya Kuching. Keluasan bahagian utara Bandaraya Kuching lebih luas daripada bahagian selatan yang di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS).

Bagi memastikan projek ini berjaya, beberapa

aspek bahasa kebangsaan ditentukan dan menjadi tumpuan pelaksanaan program ini. Aspek tersebut ialah:

- Penggunaan bahasa di semua premis PBT Iruan dan kawasan di bawah bidang kuasanya; papan tanda, penamaan jalan, tempat awam dan taman perumahan dan lain-lain.
- Penggunaan bahasa di semua papan tanda aktiviti syarikat, iklan di premis syarikat dan di tempat awam dan lain-lain di kawasan di bawah bidang kuasa PBT Iruan.
- Penggunaan bahasa dalam semua dokumen rasmi PBT Iruan, seperti borang, surat, laporan, risalah dan lain-lain aspek komunikasi.

Tanggungjawab DBP pula membantu penyediaan tenaga pengajar/pen-ceramah untuk melaksana-

bersambung di halaman 5...



...sambungan dari halaman 4

kan program kursus dan ceramah bahasa di PBT Iruan ini. Di samping itu, pihak DBP juga akan memantau penggunaan bahasa kebangsaan dalam minit mesyuarat, surat-menyurat dan dokumen-dokumen lain PBT Iruan di samping sedia untuk berbincang dengan pegawai PBT dalam melaksanakan kegiatan bahasa.

Pihak DBP Kuala Lumpur melalui Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Awam telah mengadakan taklimat dengan kedua-dua PBT Iruan ini. Taklimat pelaksanaan program telah dilangsungkan di DBKU pada 14 April 2000 dan disampaikan oleh Puan Zaiton Abd. Rahman, Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Awam, DBP Kuala Lumpur. Turut hadir di majlis tersebut ialah Datu Awang Ehsan Awang Joini, Datuk Bandar DBKU, Encik Abd. Rahman Yusof, Pengarah DBP Cawangan Sarawak dan beberapa orang pegawai DBKU dan DBP Cawangan Sarawak.

Datuk Bandar DBKU memberikan respons yang positif terhadap program ini dan mengharapkan kerjasama yang erat daripada DBP dalam membantu DBKU menaikkan penggunaan bahasa kebangsaan yang lebih luas sama ada di kalangan staf DBKU mahupun dengan pihak lain di kawasan di bawah bidang kuasa DBKU. Beliau bersetuju supaya pihak pendaftar syarikat juga dilibatkan dalam gerakan bahasa kebangsaan kerana mereka terlibat secara langsung dalam pendaftaran nama syarikat.

Di Limbang pula, taklimat program ini telah diadakan pada 12 Mei 2000 di MDL dan taklimat juga telah disampaikan oleh Puan Zaiton Abd. Rahman. Turut hadir di majlis tersebut ialah Wali Kota Limbang, Tuan Haji Abd. Wahab Abu Bakar, Dato Haji Abd. Rahim Bakar, Pengetahuan Lembaga Pengelola DBP, Tuan Haji A. Aziz Deraman, Ketua Pengarah DBP, Encik Abd. Rahman Yusof, Pengarah DBP Cawangan Sarawak, para ahli majlis, pegawai-

pegawai MDL dan DBP.

Wali Kota Limbang menyambut baik program ini dan berterima kasih kepada pihak DBP kerana melaksanakan program murni ini. Beliau berharap pegawai MDL akan menggunakan peluang yang ada untuk meningkatkan pemguasaan dan penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi. Beliau bersetuju supaya pihak pejabat daerah dilibatkan dalam gerakan bahasa kebangsaan kerana mereka berperanan sebagai pendaftar syarikat peringkat daerah.

Sebenarnya, banyak program lain yang ada kaitannya dengan PBT dan penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam. DBP juga mewujudkan beberapa anugerah bahasa bagi menggalakkan PBT menggunakan bahasa dengan betul, bermutu dan berkesan dalam semua urusan. Anugerah yang dimaksudkan ialah Anugerah Ceria Bahasa dan Anugerah Citra Iklan.

Anugerah Ceria Bahasa ialah anugerah khas yang dikurniakan oleh DBP untuk memberi pengiktirafan secara normal kepada PBT yang melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan yang baik dan berkesan menurut penilaian panel pemilih. Anugerah ini merupakan yang pertama seumpamanya diberikan sebagai pengiktirafan dan penghargaan oleh DBP kepada institusi awam yang memperlihatkan kesungguhan dalam melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan di kawasan di bawah bidang kuasa PBT masing-masing. Anugerah ini juga dapat dianggap sebagai anugerah kualiti bahasa bagi mendaulatkan bahasa kebangsaan.

Anugerah Citra Iklan pula merupakan anugerah khas yang dikurniakan oleh DBP untuk memberi pengiktirafan secara formal kepada PBT, agensi iklan, pengiklanan dan penulis iklan yang menggunakan bahasa kebangsaan yang berkualiti tinggi pada papan-papan iklan dan tempat awam.

Selain anugerah ini, program Pantau Tegur Bahasa juga dilaksanakan bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk terlibat sama dalam


memelihara kesempurnaan penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam.

Walaupun pada dasarnya pelbagai program dilaksanakan dan ada antara program-program ini adalah atas cadangan rakyat yang cinta akan bahasa kebangsaan ini, namun program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada PBT yang berkaitan dan sektor swasta. Perancangan yang teratur, inisiatif dan iltizam daripada pihak PBT sendiri dalam pengukuhan penggunaan bahasa kebangsaan untuk papan tanda atau aktiviti syarikat sangat diperlukan bagi menjayakan harapan dan wawasan bahasa agar bahasa kebangsaan tidak tersisih di tengah-tengah ledakan teknologi maklumat dan pembangunan negara yang serba canggih ini.

### Berterima kasih adalah mahal

(Robert Gibbon)

## Istilah Pakaian Tradisional Sarawak



Wanita Iban (semasa perayaan, tarian, pertandingan Kumang)

**1. Sugu Tinggi :** hiasan kepala berupa sisir; bentuknya tinggi dan melengkung, bahagian atasnya mempunyai hiasan bunga-bunga yang pelbagai rupa; diperbuat daripada perak, dipakai di bahagian sanggul rambut.

**2. Antin Pirak :** anting-anting yang diperbuat daripada perak.

**3. Marek Empang:** hiasan yang dibuat daripada manik-manik yang disusun mengikut warna; bahagian tepinya dihiasi dengan rangkaian bebola benang fungsinya untuk menutup bahagian dada.

**4. Marek (Pirak) :** hiasan yang dikalungkan di leher; diperbuat daripada duit-duit syiling yang berangkai.

**5. Lampit Tali :** perhiasan pinggang; diperbuat daripada perak, mempunyai corak bermotifkan bunga-bunga, dipakai bersama-sama dengan perhiasan perak lain di bahagian pinggang.

**6. Rawai :** korset atau bengkung berupa gelungan tembaga atau perak; sesetengahnya dihiasi dengan duit-duit

syiling dan biji manik berwarna-warni; dipakai di bahagian pinggang bersama-sama dengan perhiasan perak yang lain.

**7. Tumpa' Pirak :** gelang yang dipakai di bahagian pergelangan tangan; diperbuat daripada perak, mempunyai permukaan yang melengkung; coraknya bermotifkan bunga-bunga.

**8. Kain Tenun :** skirt yang diperbuat daripada kain hasil tenunan tangan; mempunyai corak bermotifkan bunga-bunga atau tumbuh-tumbuhan; labuhnya hingga ke paras lutut. Di bahagian bawahnya disulami dengan renda dan bebenang yang berwarna keemasan.

**9. Buah Pa'oh :** bekas berbentuk bulat yang diperbuat daripada perak, mempunyai rantai untuk dipesek; digunakan untuk meletakkan kapur dan daun sirih; bahagian luarnya dicorakkan dengan motif bunga-bunga.

**10. Gelang kaki :** gelang yang dipakai di kedua-dua belah pergelangan kaki.

## UJI KATA

SAR-mo288/08

### MELINTANG

- |    |  |   |    |    |    |    |    |    |    |  |    |
|----|--|---|----|----|----|----|----|----|----|--|----|
| 1  |  | 2 |    | 3  | 4  |    | 5  |    | 6  |  | 7  |
|    |  |   |    | 8  |    |    |    |    |    |  |    |
| 9  |  |   |    |    |    |    | 10 |    |    |  |    |
|    |  |   |    |    |    |    | 11 | 12 |    |  |    |
|    |  |   |    |    |    |    |    |    |    |  |    |
| 13 |  |   | 14 |    |    |    |    |    |    |  |    |
| 15 |  |   |    |    |    |    |    |    | 16 |  | 17 |
|    |  |   |    |    |    |    |    |    |    |  |    |
|    |  |   |    | 18 |    | 19 | 20 |    |    |  |    |
| 21 |  |   |    |    |    |    |    |    |    |  |    |
|    |  |   |    |    |    |    |    |    |    |  |    |
| 23 |  |   |    |    |    | 24 |    |    |    |  |    |
|    |  |   |    |    |    |    |    |    |    |  |    |
| 25 |  |   |    |    | 26 |    |    |    | 27 |  |    |

### KE BAWAH

- Lembu hutan
- Tak dapat bicara
- Bermakna bahawa
- Tumpah keluar
- Muara
- Tidak berseri
- Menerima ajaran
- Gosok badan
- Selumbar buluh
- Sesudah itu
- Rangkap
- Jagat raya
- Tak mudah tercabut.
- Surat sijil

### PERATURAN

- Uji kata ini terbuka kepada semua pembaca kecuali kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dan ahli keluarga mereka.
- Sila jawab semua pertanyaan dengan menggunakan HURUF BESAR bagi mengisi petak uji kata. Hanya petak uji kata asal sahaja yang diterima.
- Pemenang bagi setiap keluaran uji kata disediakan hadiah baucar yang bernilai RM30.00. Jika lebih daripada seorang pemenang hadiah akan ditentukan melalui undian. Jika tidak terdapat peserta yang menjawab dengan betul, jawapan yang hampir tepat akan diambil kira.
- Setiap peserta juga diminta memberi pendapat anda tentang Jendela Sarawak.
- Tarikh tutup penerimaan ialah seminggu selepas tarikh disiarkan.
- Keputusan panel hakim adalah muktamad.
- Kirimkan penyertaan anda beserta nama penuh, nombor kad pengenalan dan alamat surat-menyurat ke alamat: UJI KATA Jendela Sarawak, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, Peti Surat 1390, 93728 KUCHING.

8/12/2008

# Surat Untuk Anak-anak

SAR - m03 89/08

*Oleh Jais Sahok*

NAK..., jika kenyataanku ini kauanggap suara hati, maka suara hatilah. Perkara ini tetap akan kenyatakan, walaupun kau tidak menyukainya kerana dia sudah lama menjadi nektar di kelopak rasaku, dan kukira kaulah yang paling berhak menerima titisan nektarnya.

Jika inilah perkara yang akan kauanggap perkara yang tidak berjaya kenyatakan sebagai amanat langsung, maka inilah juga perkaranya. Sekalipun rasanya semanis gula, terlalu sempit laluannya di ruang rasaku.

Perahsiakah lagakku ini? Nak bukanlah aku sengaja hendak menjadi manusia perahsi kerana kau juga tahu sikapku, bahawa aku sebenarnya tidak suka kepada manusia perahsi.

Inilah suara yang tidak berbunyi, dan tidak akan berbunyi sekalipun cuba kaukesan dengan apa-apa cara kepandaianmu (yang sering kaukatakan sebagai kehendakmu: ahli sains – satu keahlian yang kauimpikan sejak kau mengenal erti kajian sains melalui buku-buku sains kanak-kanak yang kusediakan untuk godaman minda mudamu). Apabila mengenang perkara ini bagai hendak kutulis sebuah puisi tentang rasanubariku dalam impian begini.

Namun, sebagai anakku, kauharus faham, kalian harus mengerti dan nanti setelah faham dengan pengertian yang sepenuhnya, seperti yang sering kenyatakan sebelum ini, jangan lokek, jangan cemburu, dan jangan jahil. Sebarkan sebanyak banyaknya. Wartakan sejauh-jauhnya walau sampai ke atas angin. Gunakanlah media se-canggih mana yang kalian mampu, asal sahaja tersebar, aku akan tetap menerimanya dengan penuh rasa gembira – sekalipun aku sudah tiada di mata pandang kalian.

Kalau kauingin tahu, kauharus tahu sebenarnya,

kau dan adik-adikmu adalah warisan. Warisan hati budi penyambut amanat dan termasuklah amanat tanpa suara tetapi diinginkan supaya difahami. Kalianlah yang dikatakan orang ‘bagaimana acuan begitulah kuihnya’. Kalian jugalah yang akan menerima pepatah ‘bapa borek, anak rintik’. Dan kalian jugalah yang akan bersenandung dengan bidalan ‘ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi’. Julanglah, julanglah hati budi ini – betapa bangsa kita bangsa yang berdaulat.

Kita manusia berdarjah. Jika dapat kalian lukiskan sebagai lukisan multiwarna di kanvas kemanusiaan kalian, lukislah seindah-indahnya. Jika bisa kauukir sebuah arca keindahan dan penuh kemanusiaan sebagai kaedah refleksi hati dan budi kalian, ukirlah seadanya. Aku akan puas menatapnya sama ada deriaku masih ada atau sudah nyah.

Nak, ketika kau dilahirkan, sejuta harapan kulimpahkan bersama-sama suara hatiku, yang tidak pernah kenyatakan kepada sesiapa; mungkin kerana telah lama aku menjadi guru lalu kuharapkan anak-anakku berada di puncak paling unggul; cekap, cekal, patuh, dan tidak mengenal erti kecundang dalam persada pelayaran sendiri mencari kehidupan yang penuh erti di puncak kemenangan.

Mungkinkah kalian dapat memkul harapan ayah yang sebegini berimpian? Aku cuma berdaya mengharapkannya. Yang melangsungkannya, kau, kau dan kau.... Kuharap, janganlah kalian mengetuk pintu kecewa ketika berusaha melangsungkannya. Inilah perjuangan kita.

Kalian harus tahu, terlalu banyak, manusia yang dilahirkan oleh keluarga yang tidak bersedia menerima kelahiran mereka itu. Terlalu malanglah

nasib mereka juga. Lewat perkahwinan yang tidak dirancang, dan yang lebih dahsyat – perkahwinan yang tidak dikehendaki – kelahiran bagaikan satu tindakan yang sia-sia lantas mlaratkan manusia terbiar yang kelak akan gelandangan – kata orang kampung, memberi kerja kepada anggota polis sahaja. Bilangannya amat besar.

Tapi hakikatnya, nak, mahu tidak mahu, kalian harus faham juga bahawa kejadian itu bagi sudah diatur begitu, ada manusia yang bersedia, ada juga yang kurang bersedia dan tidak terkira juga banyaknya yang tidak bersedia. Lumrah! Atau percikan kejijikan musibah dan malapetaka, agaknya?

Cuma nisbah tiga jenis atau tiga kumpulan manusia, iaitu yang bersedia, kurang bersedia dan tidak sedia ini tidak ada sesiapa yang mengajinya. Tidak ada sesiapa pun yang menstatistikannya. Lalu bagi kebanyakan orang, kejadian itu satu fenomena sahaja. Fenomena yang cuma mengusik perasaan kepentingannya. Bagi mereka, fenomena itu bukan musibah. Bukan malapetaka masyarakat. Kau nak tahu nak, inilah masalah mereka sehingga seolah-olah memberi ruang kepada kelangsungan fenomena itu untuk berpanjangan.

Anak lihat sahaja di perkampungan setinggan, (bukan maksudku untuk melemparkan pandangan rendah atau serong atau hina terhadap masyarakat ini) manusia yang belum bersedia membina kehidupan di luar kelompok setinggan, budaya mereka yang sering mengelirukan dan mengerikan kita yang berada di luarnya. Bukankah terusik jiwa dan minda, apatah lagi ruang rasa dan kedepidan hati kita.

Entahlah jika kita turut berada di persada perjuangan mereka, mungkin kita akan membudayai budaya mereka juga, tapi janganlah

diminta. Na'u'zubillah.... Minta disisih malaikat empat puluh empat. Bayangkan sahaja 32 orang mati tertimbus oleh sampah di pinggir sebuah longgokan sebuah kota raya – Manila. Jika kita hidup semiskin itu, mati dalam keadaan yang belum sedia untuk mati, masya-Allah S.W.T. Bayangkan sahaja nak! Fikirkan sahaja!

Ayahmu kian letih – meski belum bersara.

Memang tidak kuflikan bahawa ada banyak juga manusia yang menderita dalam kesediaan mereka menanti kelahiran, namun kelahiran itu tidak kunjung tiba. Ini resiprokal kepada fenomena tadi. Lalu bermacam-macamlah mereka dicap-mandul, kerdil, bodo, rendah diri, tidak cukup sifat dan seribu satu kerenah lagi.

Nak, janin yang bercambah bagai rebung di rumput buluh agung itu terlalu menderita jadinya sehingga dada ini cuma berupaya menghimpun satu persatu babit-babit pengalamannya. Lantaran ibu dan bapa janin itu yang kurang atau tidak bersedia, derita mereka bagaikan satu landaan gempa bumi yang dahsyat – tidak ubah ledakan gunung berapi kelahiran mereka di muka bumi ini.

Mereka kecundang dalam perasaan mereka sendiri tetapi turut melibatkan orang lain yang enggan patuh kepada pengertian kegagalan.

Rupa-rupanya terlalu banyak..., di luar sana buaya lapar yang menunggu apa sahaja bangkai; lantas kerana ketidaan bangkai, mereka merobek daging yang masih lagi bernadi, termasuk jasad yang tidak mengerti..., mungkin seperti kita, jika kita lahir. Janganlah lahir, nak. Kelalaian itu satu kunci kepada terbukanya gerhana atau musibah kehidupan yang dinamai malapetaka. Kelalaianlah pintu kemasukan segala musibah dan tetek-bengek kehidupan ini.

Puncanya jelas dan kesannya cukup mengerikan. Mengapakah mereka tidak atau kurang atau belum bersedia menerima kelahiran? Sedangkan dalam masa yang sama mereka bersedia duduk di pelamin persandingan? Pasti ada sebabnya. Ingin sekali aku berdondong di meja forum dengan kalian tentang fenomena cabaran minda ini. Mungkinkah sayang kita melakukannya?

Nak, tentang perkara ini kalian mesti faham. Pertama mereka menganggap kehidupan ini satu eksperimen, jika gagal boleh dituang sahaja ke dalam balang yang lain. Jika tidak berjaya, bina sahaja kehidupan yang baru. Jika gagal, cari sahaja kejayaan yang lain. Jika kecundang di sini, cuba sahaja nasib di sana pula.

Patutkah manusia berfikiran begitu, sayang? Dan kau..., kalian..., patutkah kalian berfikiran

begitu juga? Kau..., kalian..., sebenarnya terlalu cekap berfikir walau usiamu baharu menerbitkan sepuluh atau sebelas ulangan hitungan restu manusia sejagat.

Kedua, maksudku selain kelalaian, penyebab fenomena yang sama sekali tidak kita ingini itu ialah mereka tidak ada bekal. Disuruh belajar, mereka menerbitkan keangkuhan. Di suruh mencari ilmu, bagi mereka imbalan ilmu hanyalah sesuatu yang abstrak sahaja. Untung rugi manusia yang belajar akan terserlah dua puluh tahun kemudian. Bagi mereka ertinya kurang tampak.

Disuruh mencuba dan jangan kecewa, mereka menganggap mereka kalah juara. Mereka terlalu deras dalam kehanyutan yang dicipta oleh mereka sendiri.

Disuruh bertanya, mereka pura-pura bisu tetapi dengan mata bulat

mereka, sebuah madah terpancar bahawa mereka kalah juara kejahilan. Lewat mata pandang itulah terbitnya gua kosong yang berwajah kehitaman.

Disuruh merenung, mereka bertanya tentang untung ruginya kerja merenung itu, lalu tidak disedari oleh mereka..., alangkah ruginya. Mereka kecundang di arena perjuangan mereka sendiri – itu pun kalaualah mereka pernah dan telah berjuang. Tidak kesiahkah kali melihat mereka ini, na. Aku terlalu tersepit perasaan sehingga mahu meraung rasanya untuk meluahkan tahi telinga yang menulikan mereka itu.

Di ajak berusaha, (untuk mengenal penat dan lelah serta ranjau diri menempa kejayaan) mereka berkata mata mereka diserang dan ditewaskan oleh maharaja kantuk. Mereka terlalu lemah bagi manusia yang



Kelana\_dura@hotmail.com

diperah ketakcukupan zat makanan – tapi mungkin juga mereka itulah golongan yang merempat di negara mewah seperti negara kita ini. Lalu mereka berdengkur dalam kepalaan. Pelbagai mimpi ngeri dan sepi tak bertepi mendatangi kesepian ketiduran mereka yang menghembuskan dengkur yang nyaring.

Sebaliknya mereka cipta pelbagai jeram di hulu aliran kehidupan mereka, umpamanya pengakuan bahawa mereka tidak punya apa-apa. Mereka dilahirkan dengan

*Lihat sahaja nak, pelarian mereka yang mencipta jeram pemusnah bahtera mereka sendiri. Bukankah bodoх namanya manusia yang begitu? Dayung rapuh mereka patah begitu sahaja, walau mereka menghilir tidak menongkah arus.*

ib sedemikian rupa. Kononnya mereka memang lemah, tidak seperti orang lain yang kuat. Mereka memang daripada keturunan yang bodoх bodoх. Mereka..., entah apa-apa lagi, kononnya.

Nak, inilah kesilapan namanya. Mereka menilai diri sendiri secara salah. Mengaku tewas sebelum berjuang. Kautahu, kau sendiri pernah menyatakan bahawa kehidupan ini didatangi kemudahan sebelum ketuaan, dinikmatkan dengan kemewahan sebelum kemiskinan, dilimpahi kehidupan sebelum kematian, digagahi kesihatan sebelum datangnya keseksaan, dijulang oleh kecergasan sebelum kelemahan – dan tentulah seperti kata selorohmu sendiri juga bahawa tentulah manusia diberi keistimewaan sebelum adanya ketololan, ada pakaian (tutup aurat) sebelum ketelanjanan. Hah, alangkah lucunya jika manusia ini kembali

telanjang seperti penghuni gua-gua zaman batu dulu; ada kepandaian sebelum kedunguan, ada pujian sebelum ada kejian, ada kecantikan sebelum kehodohan, ada kemenangan sebelum kekecundangan, dan entah seribu ada dulu sebelum ada yang lagi satu katamu, aku pun kurang ingat – terlalu besar bilangannya.

Lubuk jeram yang paling dahsyat ciptaan mereka itu, nak ialah mengalau-alukan kehadiran polis yang kononnya jika semua orang sudah baik, jika semua orang bersifat

kenikmatan kejayaan kehidupan, ya, seperti katamu juga apabila kutanya akan cita-citamu – kau mahu jadi perdana menteri. Nak, satu hari nanti akan kutuntut kata-katamu itu. Hendak kulaungkan bahawa satu hari dulu kau pernah menyatakannya sebagai cita-citamu – mungkin perkataan perdana menteri itu satu perkara yang sukar dicapai tetapi itulah lambang cita-cita yang tinggi bagiku. Moga-moga kau berjaya di persada perjuanganmu.

Tapi kau pantas mengujarkan pengertian kejayaan yang ada di dalam bayanganmu – kau mahu menjadi ahli sains Malaysia yang paling berjaya. Ketika kutanya akan sebabnya, katamu kau akan berasa seronok jika kaudapat mencipta apa-apa sahaja – yang kau sendiri belum tuntas menyebutnya – mencipta kereta lumba yang paling pantas – mencipta roket yang dapat berulang-alik dari bumi ke planet lain.

Tapi bayanganmu sudah ada. Teruskan sahaja nak. Kautahu, (kalau kau belum tahu, kini, aku sedang memberitahumu) semua kejayaan terbit daripada bayangan kejayaan itu sendiri. Manusia yang mahu pulih daripada sakitnya harus membayangkan dirinya sihat dan pulih dahulu sebelum mindanya mencipta dan mengembalikan kekuatan dalamannya untuk kembali ke alam kekuatan yang diimpikannya sendiri. Begitu jugalah manusia dengan cita-citanya.

Nak, percayalah diri tidak harus terpisah dengan minda. Mengapa nak? Sebelum kaulena terlalu jauh di alam mimpi mu yang penuh keasyikan itu, kini, dengan sensori yang tulus dan padu, kenyatakan bahawa semua kejayaan berbenih daripada keyakinan. Percayalah.

Keyakinan ialah kunci kejayaan semua tindakan manusia. Dan ini harus terbit di dalam minda setiap kamu dan adik-adikmu. Tapi keyakinan itu tidak harus yang olok-olok kerana jika olok-olok keyakinan itu olok-olok hasil yang olok-olok jugalah yang akan kalian dapat. Mahukah kamu dan adik-adikmu?

Nak, usahlah mengenal kekalahan kerana di depan kita terbentang permaidani merah yang melampaikan

# PERTENTANGAN

SAR - m0290/08

**Di lembah keheningan itu, sepinya tidak tersebut oleh kata-kata. Kekosongan bagaikan sebuah dewan yang besarnya tak terkata, berdiri teguh tanpa perhiasan meskipun sekadar sebaris tulisan.**

Di lembah keheningan itu adalah berdirinya Aku. Aku yang lengkap berpakaian.

Aku berdiri dalam keadaan yang selamba dan bersahaja. Walau bagaimanapun, di sebalik wajah Aku yang selamba dan bersahaja itu jelas kelihatan sebuah paparan kegusaran yang sedaya-upaya sengaja disembunyikannya.

“Wahai Aku, di manakah kejantananmu itu? Kenapa engkau perlu berdalih lagi? Ruang pemikiranmu pada masa ini diserang oleh ribuan panahan halilintar yang mengundang seribu persoalan. Janganlah berdusta.”

Kedaan yang tadinya sepi telah dicemari oleh seungkap kata Sang Suara yang Aku sendiri tidak tahu dari mana hadirnya. Walau bagaimanapun, kata-kata itu amat terasa hingga mengugat ketenangan Aku seketika tadi. Kata-kata Sang Suara itu seolah-olah mencabar pendirian Aku.

“Tidak!” Dengan penuh ketegasan Aku telah menafikan kata-kata Sang Suara itu, yang jelas sinis kedengaran menerjah frekuensi pendengarannya meskipun Aku masih samar-samar dari mana hadirnya suara itu.

“Aku tidak punya konflik”, Aku tetap tegas dalam menentang

pernyataan Sang Suara. Meskipun Aku menyedari pada ketika ini ruang pemikirannya bagaikan kelongsong peluru yang telah memuntahkan isinya, sedang diterjah oleh ribuan persoalan dan konflik yang setiap masa mengganggu ketenangan jiwa dan perasaannya.

Persoalan dan konflik mengenai keegoan seorang insan. Persoalan dan konflik mengenai diri dan kehidupan. Persoalan dan konflik mengenai semalam dan esok. Dan... yang penting ialah persoalan dan konflik mengenai cermin dan bayang-bayang yang Aku sendiri tidak tahu apakah maksud yang tersirat di sebalik kedua-duanya. Walaupun semua mereka mengatakan kedua-duanya adalah paparan sebuah realiti kehidupan yang kekal.

Seumia itu bagaikan panahan petir yang kian hebat memanah rongga dada dan ruang pemikirannya, bagaikan sebuah aliran sungai yang kian menderas dan hentinya bukan sahaja tidak pernah diperkatakan malahan difikirkannya. Semua itu bagaikan gas karbon dioksida yang kian banyak mengisi ruang atmosfera bumi yang menyesakkan sistem pernafasan setiap penghuni bumi.

“Wahai Aku, di wajahmu terpancar kegusaran. Peluhmu adalah percikan peluh tanda keresahan. Jangan ikutkan perasaan. Janganlah tunduk pada keegoan. Berfikir waraslah engkau. Berterus-teranglah kepadaku nescaya engkau akan tenang dan beroleh keuntungan.”

Suara itu yang tadinya keras bagaikan pukulan Sang Taufan durjana, kini kian berubah. Kini suara itu lembut dan mendayu-

Oleh Brawin ak Jumput

dayu. Bagaikan tiupan semilir bayu petang yang mengusap perlahan wajah seorang insan. Bagaikan belaian seorang kekasih yang kerinduan setelah sekian lama berjauhan. Segalanya bagaikan sebuah pujukan lembut untuk meluluhkan sebuah keegoan yang sedang di pertahankan oleh Aku. Aku sedar akan semua yang sedang dilakukan oleh Sang Suara itu.

Aku yang tadinya tegas dengan pendiriannya mulai goyah. Aku yang tadinya tegas dengan kata-kata dan pendapatnya mulai diperangi perasaan serba-salah.

“Haruskah aku tunduk dan mengaku... atau...?” Soalan itu secara mendadak telah wujud di ruang pemikirannya yang kian kosong. Soalan yang tidak diundang mahupun dijemput itu telah menggantikan sejenak persoalan yang tadinya hebat menerjah ruang pemikirannya.

Pada ketika ruang kepalanya bagaikan kelongsong peluru yang telah memuntahkan isinya kini bagaikan dipanahi oleh seribu satu panahan petir, separuh daripada isi kepala telah ligat berputar bagaikan sebuah motor yang berusaha untuk menghidupkan enjinnya. Bagaikan putaran puting beliung yang sedang mengganas, Aku yang kian goyah cuba untuk mengikut rentak putaran sistem pemikirannya.

Ligatnya putaran kembali motor pemikirannya telah melenyapkan jangkauan daya pemikirannya mengenai hari semalam. Hari-hari lalu yang pernah Aku lalui penuh dengan silam kehidupan semalam yang dihiasi oleh kemilau harta dan nama. Itulah tandanya hidup mewah dunia. Kini Aku semakin

sedar dan tahu. Tahap kesedaran ini boleh ditakrifkan sebagai kenal setakat kenal. Tidak lebih daripada itu.

Hidup Aku semalam adalah di bawah sinaran kemewahan dan keseronokan. Tetapi dentuman bencana bumi yang merupakan tanda harta kekayaan syurga dan akhirat yang tidak akan berkekalan tidak pernah diambil hirau olehnya. Kini Aku kian menyedari kerdipan realiti syurgawi bagaikan sinaran si bintang kejora yang terus setia memberikan sinarnya meskipun tidak pernah dihiraukan oleh objek yang disinarinya.

Hidup Aku semalam dihiasi oleh kemilau harta dan nama, tanda hidup mewah dunia adalah berintikan seribu satu bencana syurga yang bakal dia terima. Berintikan seribu satu kata-kata ungkapan palsu. Pada waktu itu, itulah harta, itulah nama, dan itulah... tanda mewah hidup dunia. Tetapi kini... itulah racun nan berbisu. Semua itulah yang bakal menghakimi sebuah kebaikan dan kejahanan. Apa yang jelas semua itu merupakan sebuah realiti dan perlawanan di antara pro dan kontra.

“Wahai Aku, apakah engkau masih ingat segala lakumu selama ini? Segala ungkapan kata dustamu kepada semua mereka. Ingatkah engkau?” Kata-kata Sang Suara kembali memasuki ruang pendengarannya sekaligus telah melenyapkan jangkauan daya pemikirannya mengenai hari semalam. Hari-hari lalu yang pernah Aku lalui penuh dengan keseronokan dan kemewahan dunia. Aku terus membisu. Tidak berkata walaupun sepatuh bersambung di halaman 10...



CATAT... Ketua Pengarah DBP dan Pengarah DBPCS tekun mendengar pembentangan daripada setiap Ketua Unit.

**SABAN** tahun setiap Bahagian, Cawangan, Wilayah dan Unit di Dewan Bahasa dan Pustaka diajukan pelbagai pertanyaan dan pandangan tentang program yang akan dijalankan oleh mereka pada tahun tersebut. Lantaran itu setiap Bahagian, Cawangan, Wilayah dan Unit itu mula merangka program dan strategi pengembangan bahasa dan sastera untuk dimuatkan dalam perancangan tahunan. Malah untuk lebih selesa setiap Bahagian, Cawangan, Wilayah dan Unit perlu merangka program untuk tempoh lima tahun bagi menggambarkan perancangan tahunan selama lima tahun (SKU).

Justeru untuk menuhi tuntutan tersebut, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS) telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Bengkel Sumbang Saran sejurus selepas SKU DBP diadakan. Bengkel yang berlangsung pada 27 – 30 Julai 2000 di Hilton Batang Ai Longhouse Resort, Sri Aman ini dihadiri oleh Pengarah DBPCS dan pegawai kategori A dan B di DBPCS. Majlis perasmian dilakukan oleh Timbalan Ketua Pengarah DBP, Tuan Haji Abu Bakar Mohamed dan majlis penutupan dilakukan oleh Ketua Pengarah DBP,

Tuan Haji A. Aziz Deraman.

Dalam ucapan aluan, Pengarah DBPCS, Encik Abdul Rahman Yusof telah melahirkan harapan agar setiap Unit di DBPCS bersikap proaktif dalam menzahirkan program sepanjang tahun 2000 hingga 2005 untuk menyeimbangkannya dengan pemintaan di alaf baru yang mencabar ini. DBPCS perlu merungkai segala kekusutan dan tembok yang menghalang pergerakan program yang telah dirancang. Dan beliau juga telah melahirkan harapan agar setiap unit di DBPCS sentiasa bekerjasama dalam merealisasi program tersebut.

**SEMPENA** ulang tahun DBP ke-44, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS) telah mengadakan Pasar Ria Buku dari 12 Jun 2000 hingga 5 Julai 2000 di Balai Budaya, DBPCS. Seperti tahun sebelumnya, program ini menyediakan pelbagai potongan harga yang cukup istimewa.

Majlis perasmian telah dilakukan oleh Encik Abdul Rahman Yusof, Pengarah DBPCS. Dalam ucapannya, beliau berharap agar masyarakat setempat khususnya di sekitar Bandaraya Kuching akan datang beramai-ramai ke pasar ria tersebut bagi membeli buku-buku terbitan DBP.

Beliau menyarankan agar organisasi kerajaan ataupun swasta mengambil peluang dengan membeli

buku-buku terbitan DBP, terutamanya pihak sekolah untuk menambah koleksi di perpustakaan masing-masing. Tegas beliau, dengan adanya pasar ria ini, pihak DBP cuba memasyarakatkan buku secara lebih dekat dan menyeluruh.

Pada hari yang sama, sidang akhbar telah diadakan bagi memberi peluang kepada pihak media mendapatkan maklumat secara lebih terperinci mengenai program tersebut. Ketika ditanya mengenai strategi promosi program ini, secara telus Abdul Rahman mengakui bahawa strategi yang paling utama adalah menerusi pihak media. Beliau meminta agar pihak media dapat memberi kerjasama yang cukup kental untuk mem-

## BENGKEL SUMBANG SARAN

### DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK

SAR-m0291/08

Oleh Che Zainab Omar

Kebijaksanaan menggabungkan sumber kewangan, sokongan kerajaan, sokongan khalayak dan imej DBP akan memberi impak yang besar kepada DBP dan seterusnya kepada khalayak adalah intisari daripada ucapan Timbalan Ketua Pengarah DBP di Majlis perasmian bengkel tersebut. Setiap Bahagian, Wilayah, Cawangan dan Unit di DBP mesti menghayati misi dan visi DBP dan seterusnya merealisasikannya ke dalam bentuk program. Warga DBP harus pandai menggunakan peruntuhan sejarah dengan pengendalian program agar berjalan seiring dan dapat dinikmati oleh masyarakat Malaysia.

Seterusnya pada hari berikutnya diadakan sesi sumbang saran dan sesi perbincangan tentang program yang akan diadakan sepanjang tahun 2001 hingga 2005. Sesri ini dilakukan selepas pembentangan kertas kerja oleh setiap Ketua Unit di DBPCS. Dan nampaknya sesi ini mencapai salah satu daripada matlamat Bengkel Pengurusan iaitu sama-sama mengsepakati

program yang akan dijalankan oleh unit-unit di DBPCS.

Pada petang 29 Julai 2000, selepas sesi pembentangan tumpuan utama bagi keseluruhan fungsi di DBPCS, Ketua Pengarah DBP telah memberi maklum balas terhadap pembentangan yang dibuat dan ternyata beliau berpuas hati terhadap projek-projek yang dirancang.

Pada sebelah malam-

nya, di majlis penutupan, Ketua Pengarah DBP telah menyampaikan amanat penting kepada semua yang hadir. Pengukuhan dalaman, prasaranan organisasi, prasaranan program dan Prasaranan kuasa/autoriti (akta bahasa) amat penting dibina, dihayati dan diambil peluang oleh setiap warga.

Beliau juga menggesa agar warga DBP berubah sama ada dari segi fizikal dan minda. Perubahan ini

penting untuk menangani beberapa persoalan iaitu adakah DBP dalam dilema, adakah DBP bergerak dalam dunianya sendiri, adakah DBP bersikap reaktif bukan proaktif, adakah DBP terlalu tua untuk menjadi muda dan adakah DBP ada politik dalam organisasi? Dan sebagai ingatan, pesan beliau **"ILMU WALAUPUN SEDIKIT, PERLU DIAMBIL"**.




SERIUS... Timbalan Ketua Pengarah DBP, Pengarah DBPCS sedang mendengar soalan yang dikemukakan oleh peserta bengkel.

## Pasar Ria Buku DBP

SAR-m0292/08

Oleh Jaafar Hamdan



Pasar Ria Buku 2000. Dari kiri ke kanan: Razali Hasbi, Pegawai Pemasaran; Abdul Rahman Yusof, Pengarah DBP Cawangan Sarawak; Mohd. Ramly Ngah Idris, Pengurus Perniagaan dan Enchana Labau, Ketua Unit Perniagaan.

Secara kasar purata kehadiran pengunjung ke Pasar Ria Buku itu adalah sekitar empat ratus orang sehari. Kali ini, Pasar Ria

# Diskusi Buku Cerita Sebuah Rumah Kaca

Oleh Awang Zaidel Awang Jamil

SEMPENA dengan majlis pelancaran antologi puisi *Cerita Sebuah Rumah Kaca* (CSRK), karya Hipani Alwi, sesi diskusi buku telah diadakan bagi mencambahkan lagi kefahaman pembaca berhubung antologi tersebut.

Majlis tersebut telah berlangsung di Balai Budaya, DBP Cawangan Sarawak dan telah dipengerusikan oleh Abang Haliman Abang Julai. Tiga orang ahli panel iaitu Hazami Jahari, Jais Sahok dan penulis CSRK, Hipani Alwi telah dijemput untuk membincang dan mengupas secara tuntas antologi tersebut.

Menurut Hipani, idea itu tercetus berikutan tiada tempat untuk beliau menyuarakan ketidakpuasan hatinya berhubung

penjagaan alam sekitar, perlakuan manusia yang rakus bertopengkan politik dan kesengsaraan manusia akibat malapetaka perang. Tambah beliau, dengan meluahkannya dalam bentuk puisi sedikit sebanyak dapat melegakan jiwanya berhubung isu tersebut. Dan idea menyelitkan setiap foto pada setiap helaian puisi adalah bermaksud untuk memberikan ketenangan atau kedamaian kepada pembaca agar lebih mudah menghayati puisi ciptaan dengan lebih mendalam.

Hipani yang mempunyai hobi merakam foto telah mengabungkan minat dan hobinya dalam meng-



Dari kiri Hipani Alwi, Abang Haliman Abang Julai, Hazami Jahari dan Jais Sahok mendiskusikan *Cerita Sebuah Rumah Kaca*.

hasilkan antologi puisi tersebut. Bagi beliau antologi itu bukan sekadar antologi puisi malah merupakan rakaman keindahan alam yang dicantumkan dengan keindahan puisi.

Menurut Hazami Jahari, empat ciri khusus yang

membezakan kumpulan puisi ini dengan karya penulis lain ialah, penyisipan kemarahan dalam nada yang lembut, permainan bunyi yang terasa berkesan, pengadunan antara kata dan visual".

Turut hadir dalam sesi diskusi buku tersebut ialah

Pengarah DBP Cawangan Sarawak, Abdul Rahman Yusof, Pengarah DBP Cawangan Sabah, Zaini Oje. Antara penulis yang turut hadir termasuklah Buang Haji Umar, Pharo Hakim dan Abdilah SM.

# Per mata juara Pekan Teater Negeri Sarawak

Oleh Zulkefli Md. Jasin

SAR-mo294/08



Tahniah...NIKOSA 'B' kerana berjaya menjadi naib johan.

**PERTANDINGAN** Pekan Teater Peringkat Negeri Sarawak telah pun berlangsung pada 26 hingga 27 Julai 2000 yang lepas. Sebanyak empat buah kumpulan telah mengambil bahagian sekaligus memburu gelaran juara. Antara kumpulan yang bertanding di peringkat akhir itu termasuklah kumpulan NIKOSA 'A', NIKOSA 'B', KIAS KASTURI dan PERMATA. Pekan Teater Sarawak diadakan setiap tahun untuk memilih wakil ke Pertandingan Pekan Teater Peringkat Zon. Wakil Negeri harus menjuarai atau sekurang-kurangnya menjadi naib johan di peringkat Zon.

Kumpulan NIKOSA adalah sebuah kumpulan yang baru berusia empat bulan yang diterajui oleh tujuh orang staf DBP Cawangan Sarawak dan tiga puluh orang ahli biasa yang terdiri daripada anak-anak seni sekitar bandaraya Kuching. Kumpulan ini kemudiannya dibahagikan kepada kumpulan NIKOSA 'A' dan NIKOSA 'B'. Kumpulan NIKOSA 'A' yang membawa teater *Malang*, telah diarahkan oleh Dayang Rajemah bt. Awang Raie. Dayang Rajemah merupakan

pelakon teater dan TV, kini telah memberanikan diri mengarah teater. Kumpulan NIKOSA 'B' yang membawa teater *Ajong* telah diarahkan oleh Zulkefli Md. Jasin. Walaupun beliau telah lama terlibat dengan teater, namun teater *Ajong* adalah arahannya yang pertama. KIAS KASTURI sebuah kumpulan teater yang tidak begitu asing lagi di Bandaraya Kuching dan pernah mendapat naib johan Pekan Teater Kebangsaan 1996 dengan teater *Vakum*. Dan pada tahun ini pula kumpulan KIAS KASTURI mementaskan *Sasau* arahan Mohd. Helmi Isa, manakala kumpulan PERMATA sebuah kumpulan yang telah beberapa kali menyertai Pekan Teater dan tahun ini kumpulan PERMATA mementaskan teater *Malang* arahan sutradara berpengalaman Mastijah Masleh. Majoriti ahlinya terdiri daripada staf Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU).

Ternyata kehebatan Kumpulan PERMATA tiada tandingannya kerana telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan dalam Pekan Teater Peringkat Negeri Sarawak tahun 2000. Dengan kemenangan tersebut kumpulan PERMATA telah menerima hadiah berupa sebuah Piala Pusingan termasuk sejumlah wang tunai RM2,000.00. Di samping itu, beberapa pelakon PERMATA juga telah diumumkan memenangi anugerah yang dicalonkan. Mereka ini ialah Rozita Mohd. Ibrahim (Pelakon Pembantu Wanita Terbaik), Haslina Bujang (Pelakon Wanita Terbaik) dan Abdul Wahab Bujang (Pelakon Lelaki Terbaik). Tambah menarik lagi, pengarah kumpulan PERMATA Mastijah Masleh telah diumumkan sebagai Pengarah Terbaik.

Naib johan dimenangi oleh kumpulan NIKOSA 'B' menerusi teater *Ajong* sekaligus membolehkan kumpulan ini memenangi hadiah wang tunai RM1,500.00 di samping piala. Mohd. Derus Moshidi telah diumumkan sebagai Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik. Selain itu juga, kumpulan NIKOSA 'B' turut mencuri tumpuan apabila memenangi Anugerah Teknik Terbaik dan menerima wang tunai RM300.00 berserta sebuah piala.

Manakala kumpulan

## Kata-kata...

Buku ialah rekasih setia yang tidak cemburu apabila dimadiu.  
(Fuad Hassan)

Buku yang baik ialah buku yang selalu membaca fikiran pembacaanya.  
(Soren Kierkegaard)

Buku bukanlah manusia, tapi ia hidup.  
(Stephen Vincent Benet)

Ada buku yang cuma perlu dibaca sebahagian, ada yang buku dibaca dengan berhati, ada yang seluruhnya perlu dibaca dengan prihatin dan yang pembacanya cukup diwakilkan kepada orang lain serta ada pula yang perlu dibaca singkatannya sahaja.  
(Bacon)

KIAS KASTURI pula sekadar berpuas hati apabila menduduki tempat ketiga dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000.00 di samping piala. Menurut panel hakim, pekan teater tahun ini telah diadili melalui kekuatan lakonan dan pengarahan. Kumpulan PERMATA dengan teater *Malang* dan Kumpulan NIKOSA 'B' dengan *Ajong* akan berentap sekali lagi pada 8 Oktober 2000 untuk mewakili Negeri Sarawak ke Peringkat Zon Timur.

Majlis Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Menteri Muda Kebudayaan, Y.B. Dublin Unting ak Ingot. Turut hadir menyaksikan Pertandingan Pekan Teater Peringkat Negeri Sarawak ini ialah Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sarawak, Puan Hajijah Fatimah Mok, isteri Datuk Bandar Kuching Utara (DBKU).

Ubah untuk penyakit cinta yang pertama adalah cinta yang kedua.  
(Anonim)

...sambungan dari halaman 7

cuma. Lebih-lebih lagi untuk menjawab soalan Sang Suara. Untuk menerangkan segala apa yang pernah dialami dan dilaluinya. Sebuah buku tebal sepuluh inci pun tidak pasti cukup jika lau dicoretkan. Tempoh 24 jam itu, tidak mungkin cukup, jika Aku ingin ceritakan. Lebih baik Aku membisu mendongak awan, daripada membuat bertambahnya soalan Sang Suara itu.

"Wahai Aku, dirimu lupa atau sengaja berbuat lupa? Dirimu jangan cuba berdalih. Aku tahu, fokus motor pemikiran adalah peta bayang-bayangmu semalam. Bayang-bayang hitam itu..."

Sang Suara berhenti secara tiba-tiba. Kedengaran ketawanya yang sinis jelas kedengaran di dalam frekuensi telinga Aku. Ketawanya bagai-kan ketawa seorang antagonis yang tidak pernah mengenal erti kekalahan. Seorang antagonis yang tidak pernah terjumpa sebuah kegagalan dan penderitaan dalam menakluki dunia.

"Egonya Sang Suara," desis Aku perlahan.

Aku telah mencuba untuk menumpukan sepenuh perhatian dan isi kepalanya ke arah kata-kata Sang Suara yang bagai-kan panahan halilintar dan yang kian menambahkan lagi kemelut dirinya. Kata-kata Sang Suara berubah-ubah bagai-kan suara seorang vokalis yang mengikut rentak lagunya. Aku kian terjerat antara lakonan Sang Suara. Lakonan yang Aku sendiri tidak tahu, malah memang dia tidak tahu akan baik buruknya. Aku kian hanyut dalam pelayaran emosi dan perasaannya.

"Wahai Aku, harus engkau ingat, apa yang telah engkau lalui semalam, adalah bayang-bayangmu. Bayang-bayang yang akan sentiasa mengekorimu, walau ke mana jua engkau pergi. Bersembunyi atau mendedahkan diri. Semua orang akan memperkatakan sesuatu mengenai sebuah bayang-bayang itu. Pendapat dan pandangan seperti yang sudah engkau sedia maklum, pro dan kontra itulah yang akan menjadi topik bicara mereka."

Tetapi, dirimu pada saat ini adalah cermin kepada dirimu sendiri. Pandanglah cermin itu. Kajilah di manakah kelelahanmu. Carilah di manakah cacat celanya dirimu. Dan engkau akan mendapat tahu, siapakah dirimu dulu dan sekarang. Carilah..."

Sang Suara terus berkutbah panjang lebar. Frekuensi pendengaran Aku sengaja tidak diaktifkannya. Aku kian melayani bahtera pemikiran dan perasaannya. Tanpa menghiraukan kedatangan Sang Suara. Namun begitu, Aku masih dapat mendengar sepatuh dua kata yang diucapkan oleh Sang Suara.

"Ah, apa peduli dengan bayang-bayang. Di dalam cukupnya cahaya, hilanglah segalanya. Apa aku peduli dengan Si Cermin yang terpacak kaku itu, cukup tenaga, musnah retak segala isinya!"

Bentakku tegas dan keras. Aku berusaha untuk menafikan bahawa bayang-bayang dan cermin itulah yang akan menjadi pengadil dalam pembicaraan keramat itu. Penetu kehidupan di tempat asalnya. Dan...implikasi daripada sikap lepas tangannya itu.

Sebuah keluhan penyesalan dan keluhan tanda sebuah kekecewaan jelas kedengaran dari Sang Suara. Kali ini dia benar-benar kecewa. Kecewa dengan sikap Aku yang sedang duduk di hadapannya kini.

"Ah! Begitulah manusia. Mereka terlalu alpa mengejar harta dunia sehingga lupa di mana berpijaknya mereka. Mereka tidak takut akan bayang-bayang semalam yang telah mereka tinggalkan. Sedangkan bayang-bayang itu sentiasa mengekorinya. Mereka tidak peduli akan cermin yang mencerminkan dan memaparkan siapakah mereka pada asalnya nanti.

Mereka semua tidak sedar ataupun mereka adalah seperti Aku. Sengaja tidak mahu ambil tahu mengenai segalanya. Mereka masih kabur. Pada haki-katnya, mereka harus tahu dan sedar bahawa setiap apa yang mereka lalui, tidak akan sama dengan apa yang bakal mereka temui. Mereka tidak pernah pun bersedia untuk

"Bisik Sang Suara menebus kecua sendirian tanpa disedari dan diambil peduli oleh Aku yang sedang duduk mendongak langit. Betapa Sang Suara mengambil berat akan segala apa yang terjadi ke atas kesemua manusia. Termasuk Aku yang egonya bagai-kan tiada perasaan itu. Tetapi manusia tetap manusia. Egonya tinggi mengalahkan langit. Mereka tidak pernah sedar akan baik buruknya sebuah keegoan."

"Tidakkah engkau sedar. Bayang-bayangmu itu terlalu jelas. Hitam dan hitam. Warna paling kuat itulah warnanya. Semua mereka tahu dan boleh melihat dan membuat

tidak dapat dihabiskannya, meskipun suaranya yang sinis kedengaran, tetapi di dalam kotak pemikirannya itu masih dibayangi oleh persoalan-persoalan yang tidak akan berakhir. Aku sangat pasti, segalanya tidak akan berakhir. Kerana....

Aku terus bersandiwar untuk menyembunyikan keinsafan dirinya kepada Sang Suara. Aku tidak mahu namanya yang selama ini menjadi pujaan dan sanjungan setiap orang akan jatuh bagai-kan puyan jelepok di hadapan Sang Suara. Walau bagaimanapun, Aku tidak sedar bahawa Sang Suara sedar... malah lebih dari itu. Sang Suara amat tahu akan segala-

aktifkan segala apa yang dikatakan oleh Sang Suara dan segala isi kepalanya yang kian bergolak ini untuk memikirkannya. Adakah ini merupakan petunjuk bahawa Aku akan menerima segala kata-kata Sang Suara itu dan menyatakan bahawa segalanya adalah benar. Apa yang dikatakan oleh Sang Suara adalah baik. Sekiranya itu yang akan berlaku, maknanya... pada hari ini akan jatuhlah nama dan keegoannya bagai-kan puyan jelepok. Inilah satu-satunya peristiwa yang tidak ingin Aku alami meskipun seketika cuma.

Pada ketika itu, motor pemikirannya kian berputar pantas. Bertambah pantas dan pantas.

"Hai seorang Aku, aku sedar akan segala apa yang sedang bergolak di dalam benak pemikiran dan perasaanmu itu. Sekiranya engkau takut atau pun segan untuk mengakui segalanya di hadapanku kali ini, di sini... biarlah aku akan memberitahu sesuatu yang seharusnya dirimu dan juga semua mereka tahu dan fikirkan". Sang Suara berhenti ber-kata-kata untuk seketika.

Di kala kepalanya kian rungsing itu, secara tiba-tiba fokus pemikirannya tertumpu kepada sebatu puisi yang pernah dia dengar. Sebatu puisi yang ditulis oleh seorang pendeta mengenai bayang-bayang. *Bayang-bayangku adalah aku yang kedua*  
*Aku melihat aku*  
*Aku takut kepada bayang-bayangku*  
*Kerana dia adalah aku*  
*Melalui dia*  
*Aku mulai sedar dan tahu siapakah aku*  
*Aku mulai sedar di mana kakiku berpijak*  
*Aku mulai sedar di mana jalanku semalam*  
*Kenapa aku melalui itu*  
*Dan... kenapa aku pergi di situ*  
*Dia amat penting bagiku*  
*Melalui dia*  
*aku mulai tahu siapakah aku yang dulu*  
*Bagaimanakah aku pada ketika itu*  
*Dan...Adakah aku akan terus begitu*

Begitulah antara kata-kata yang tertulis di dalam puisi itu yang masih mampu Aku ingat.

Aku mulai sedar betapa berkuasanya bayang-bayang itu. Meskipun kelam. Kini tubuhnya mulai bergetar. Aku kelebihan menggigil di dalam percikan peluh tanda keresahan. Sang Suara

mengetahui dan sedar akan segala perubahan pada Aku itu. Tetapi dia tahu tugasnya belum selesai. Kata-katanya tadi

haruslah ditamatkan di sini dan Aku akan menjadi pendengarnya. Aku akur mengenai semua itu.


"Wahai Aku, bayang-bayang semalam ialah seorang Peguam Besar, seorang Hakim Besar yang akan menentukan kedudukan kita apabila tiba masanya nanti. Tetapi usahlah engkau takut ataupun gentar, selagi cermin itu berdiri kukuh dan setia untuk memantulkan imej setiap kita, kita masih mempunyai masa untuk memperbetulkan segala-galanya. Tetapi harus kita ingat dan sedar, sememangnya seribu satu cabaran akan menanti kita di hadapan. Tabahlah menghadapinya. Tolehlah ke belakang, ke arah bayang-bayang itu dan pandanglah ke hadapan ke arah cermin pu dan...buatlah perbandingan dan pembaharuan. Teruskan langkah kita berdasarkan pemikiran yang waras yang diambil daripada paduan di antara cermin dan bayang-bayang itu.

Aku menjadi semakin jelas mengenai maksud di sebalik kata-kata Sang Suara itu. Maksud di sebalik cermin dan bayang-bayang. Dengan lemah dan penuh penyesalan Aku berkata, "Terima kasih wahai Sang Suara yang budiman pemurah. Kata-katamu amatlah berharga untuk diriku. Aku akan meneruskan perjalananku ini dengan menjadikan kata-katamu itu sebagai panduan.

Kedengaranlah Sang Suara mengucapkan syukur berkali-kali atas kesedaran Aku yang tadinya terlalu ego.

Aku pula kian sedar akan kepentingan dan kekuasaan cermin dan bayang-bayang itu. Kini dia sudah cukup bersedia untuk melangkah meskipun setapak demi setapak untuk meninggalkan bayang-bayangnya yang kelam itu. Melihat ke atas paparan yang terpampang di atas dada cermin yang berdiri kaku itu. Dia tidak takut lagi untuk menghadapi hari esok dan seterusnya.

*Cerpen ini telah memenangi tempat Pertama Peraduan Menulis Sastera Kreatif Sekolah Menengah 1999.*



kesimpulan dan tafsiran mengenainya. Segala yang telah engkau lalui semalam. Fikirlah..."

Kedengaran keluhan berat daripada Sang Suara setelah menghabiskan kata-katanya itu. Manakala Aku mulai memiciti-micit kepalanya yang kian dihantui perasaan serba-salah tidak tahu kenapa dia harus berbuat begitu. Sedangkan pada suatu ketika tadi, Aku telah mencuba dengan sedaya-upayanya untuk mengawal frekuensi pendengarannya agar tidak menerima dan meng-

nya. Tetapi Aku yang tidak tahu.

Aku mencuba dengan sedaya-upaya untuk menumpukan sepenuh perhatiannya kepada kata-kata Sang Suara sebentar tadi. Entah! Aku yang kian dihantui perasaan serba-salah tidak tahu kenapa dia harus berbuat begitu. Sedangkan pada suatu ketika tadi, Aku telah mencuba dengan sedaya-upayanya untuk mengawal frekuensi pendengarannya agar tidak menerima dan meng-

tidak akan terhenti. Mencuba untuk mentafsir dan mencari kebenaran kata-kata Sang Suara itu secara total. Dalam masa yang sama motor pemikirannya kian galak menyelak semula setiap lembaran kisah semalam yang telah dilalui dan sekaligus ditinggalkannya.

Mencari bayang-bayang yang menurut kata-kata Sang Suara akan mengekor setiap gerakannya walau ke mana jua Aku pergi atau ber-

**NILAI SEBUAH PERJUANGAN**  
(Buat Rosli Dhoby dan Rakan-Rakan)  
**Yusuf Mustanir SAR-m0295/08**

Berlabuh sejenak di tebingan Thames bersama senja bandaraya London menjelma senja bandar Sibu bersetelang sedu menerpa minda melayarkan bahtera silam melayari tebingan Rejang membawa tragedi perjuangan berdarah

Sungai Rejang, sungai Thames nilai sebuah perjuangan terlalu berat dan berliku bandaraya London pernah tertikam hati mahkota pernah terbakar hati bandar Sibu menikam hati badik menari bersama ceria pagi tersungkur sebuah keangkuhan Rosli Dhoby sebuah nama kecil menggemparkan persada dunia bandar Sibu namamu meniti bibir dunia sungai Rejang arusmu berdarah Rosli Dhoby dan teman-teman pejuang dibelasah jasad dan minda dihina dan dikeji terhina dan merana

Sungai Rejang, Sungai Thames ar dimengertikan keadilan sebuah perjuangan berneracakan bukti logik berhisabkan tatacara dan ideologi falsafah kelabu terkunci layu pejuang bangsa meronta nadi dan perasaan jeritan simpati dan ihsan

Sungai Rejang, Sungai Thames nilai seluruh perjuangan antara pepohon kemanusiaan dan ideologi kalut tanah air terhimpit terbelenggu anak watan menjerit Serapi kaku dan sepi nilai sebuah perjuangan adalah sebuah kematian sepi pengiringnya sinar-sinar merdeka.

**C**tu Senja  
ing Thames, London

**ISTANA KACA SAR-m0296/08**  
**Pharo Abdul Hakim**

Kuttinggalkan istana kaca yang melantun warna bianglala kulepaskan dari dakan puteri rimba gadis pingitan di ambang malam hitam setelah sedekad menghulur salam.

Jangan biarkan dirimu ditiduri malam curang jangan kaulukis mimpimu menjadi igauan seram jangan kautulis puisimu menjadi esakan tangis kedukaan bermelodikan suram memadami harapan

Telah kujelajahi lorong resahmu telah kulalui jambatan mimpimu ada kasih belum berputik ada sayang yang masih kelam.

Istana kaca luak utara adalah sebutir mutiara khazanah bangsa bernama setia menghiasi dada luka perawan rimba yang telah kehilangan harga.

kuhulurkan salam bersalut simpati melihat malam kehilangan mimpi siang tiba tanpa mentari istana kaca didakap sunyi perawan rimba terpingit sepi

teriakan suara mula bertanya luak utara milik siapa?

**Kuching, 4 Julai 2000**

**SELAMAT TINGGAL MIRI**  
**Hipani Alwi SAR-m0297/08**

Selepas itu aku diijab kabulkan dimandi dengan parang di tepi sungai airnya bersih mengalir ke laut dan isteriku berasal dari Miri.

Selamat tinggal Miri selepas tujuh pernama aku bergelut dalam resah anak jati terbiar engkau akan terus menghuni sungai tatkala itu engkau dihalau keluar tanah adalah hak para pendatang bersama wang dan sekutu hati bangunan terbina ini adalah hasil tangan membenarkan rasa keadilan yang tidak sempurna.

Sedangkan kampung kita menderita seperti Katong dan Haji Wahed walau berada di puncak Kanada pembangunan hanyalah retak kaca bertaburan di lereng bukit atau Padang Kerbau dan Pujut Adong Kampung Pengkalan di Litong dan Senadin banyak telah resah seperti di Bakam sungai tersendat dan kubur dihanyutkan rumah-rumah batu terbina di pinggir-pinggir kampung dan Lusut pasti tercengkam kerana rumahnya kecil dan namanya akan terpanggil

seabad setelah Miri mengenggam wawasannya bandar perangan.

Selamat tinggal Miri resah anak peribumi adalah seperti darah marahnya akan menyala membenarkan kata orang-orang tua di muara langit kaca akan terbina di setiap kampung membangunkan rumah-rumah orang miskin Miri akan mengenggam kukuh di tapak kaki kita adalah tanah tanah kita.

**Miri, 10.3.98**

**SINGGAHSANA KENYALANG**  
**Rosani Hiplee SAR-m0298/08**

Dari singgahsana Kenyaland kopersaksikan sabda keramat marcapada terindah warisan leluhur sesudah jiwa hamba lepas bebas menjelajah benua purba sejarah nusa.

Lewat deru angin perubahan kuterdengar kibas kepak Kenyaland bergema membelah sunyi cakerawala seolah-olah mengkharkan resah bonda yang rawan di balik selayak keringkam.

Betapa jiwa merdeka lupa ingat mengenal bau keringat bangsa keagungan resam budaya keulungan lagenda figura Kenyaland ketamadunan seni tradisi marga peradaban citra bahasa terbilang.

Sejenak kutelusi sinar binar di matamu, Kenyaland lalu kuselusuri makna olak Sungai Rejang kujelajahi citra pucat hutan Bakun kuamati selirat tembang sepi Gunung Serapi, pelan-pelan kuterlihat wajah renta bonda di balik terendak dura.

Lalu betapa ingin kuberi suara kepada suara yang terpinggir kerana sejarah lebih dari itu.

Di ujung singgahsana Kenyaland seakan kuterdengar suara walang Wu An dari paruh Kenyaland itu yang sedang larut menginterpretasikan bait-bait Pokok Tapangnya ke telinga jiwa merdeka.

Betapa telah banyak kenikmatan sejagat harus jadi galang ganti sebuah kerakusan dari hati para tirani diri demi mengejar kecemerlangan berkaca.

Dari singgahsana Kenyaland tiba-tiba kulihat Kenyaland itu seakan-akan bingkas dari ingatan lama lalu dengan bara dan nyalangnya menebarkan semangat selayah keringkamnya melayahkan jiwa pua kumbunya menjunjung atma spiritual terendaknya mengalunkan matra aura sapenya ke dalam jiwa para etnik merdeka marga unggul khazanah bonda.

Maka segalanya harus diwara-warakan demi memaknakan perjalanan yang sesukar ini agar tiada jelaga gempita di lorong depan dan kita pun tidak akan terasing dalam kutubnya yang sempit. Lalu biarkan saja buana di luar sana kepayang dengan topeng-topeng ciptaannya.

Dari singgahsana Kenyaland betapa ingin kulaungkan padamu, Kenyaland terbang terbanglah sebebas-bebasnya di langit terbuka itu demi mencari jati diri di peta dunia tapi dekatkan hatimu pada selayah keringkam pada pua kumbu pada terendak pada sape kerana segalanya itu adalah penyatuhan jati diri terungkul marga orang barat laut Borneo yang berjiwa besar tapi mengerdilkan diri.

**6 Julai 2000, Petra Jaya.**

**DI LUAR BILIK PENGANTIN**  
**Roslan Jomel SAR-m0299/08**

apabila aku mula menulis surat ini seorang lelaki merenung ke dalam seulas tembikai di hujung meja ruang tamu mengapa aku memilih perempuan

memasuki kehidupanku, aku seharusnya bebas kerana tuhan tidak kelihatan mengapa aku mesti terperangkap pada haruman meja solek langsir berenda bunga, tingkap jendela yang mengejek. umurku akan pendek sekiranya leka berbaring dan memeluk bantal, pantun dan peribahasa untuk apa dicipta, nyamuk dan jerawat kecil di depan ku tapi aku merasa lebih kerdil

aku enggan dibayangi perasaan kepercayaan karut orang tua, masyarakat berfikir dunia ini bulat maka, mereka takut meninggalkan rumah. aku percaya keluasan akal daripada padang masyhar

aku malu dihina generasi sia-sia otak dan nafsu muda aku terdampar seperti tikar mengkuang, dosa sebagai penakut

memburu degup jantungku, lelaki yang menyandar belakang tubuh perempuan

dikelilingi bunga plastik. haruskah aku melarikan diri meninggalkan kerlipan & mata isteri dan rumah, seperti remaja seribu tahun aku hidup sejuta tahun aku mati tuhan tetap satu jikalau aku berdos melawan orang tua tidak mungkin langit akan runtuh atau bumi terbelah dua

sebab tiada sesiapa yang tahu pembentukan dunia

ada orang berasa selesa dalam masjid tidur dan menunggu hidangan sesudah doa Yassin aku masih kotor berseluas jeans amerika rambut panjang dan kerap melihat perempuan namun ilmu memberi keyakinan agama bermaksud ibadat ibadat bermaksud berani berfikir apa yang tidak difahami imam, kewujudan planet di angkasa lepas, kerisauan memandang cermin, penyakit & aneh saraf otak sebenarnya ada dalam kandungan al-Quran masyarakat hanya tahu mencemuh negara-negara luar yang memusuhi orang islam, laluan saluran media dan perangai liar remaja

bagaimana aku terangkan kepada isteri puisi halus zurinah hassan, gangguan wang dan mengawal nilainya. siapakah seniman atau jutawan, mencari duit melalui komputer dari mana sumbernya. keghairahan seks yang pelbagai bagaimana dibincangkan kepada isteri kampung. kerana di kilang, kami berbahasa mudah mengutuk majikan menyembunyi ketulan berlian, mempermudah perasaan orang lain tidak percaya terhadap percintaan, kami menipu negara menerima gaji kecil atas kejujuran setiap kebaikan orang atas

apabila aku mula menulis sebaris ayat lelaki itu masih merenung ke dalam isi tembikai merah penuh berair

kehidupan ini menyebabkan aku jahil kepada kematian nanti aku melihat lelaki seperti perempuan sama ada halal atau haram siapakan membezakannya, tuhan sudah tidak berdaya lagi asal-usul alam semesta benih yang membentuk manusia,

cara mudah berhubungan, membolot wang dan menukar agama bukankah nabi tidak berdaya menciptakannya

warna rama-rama air yang muntah dari gunung, pasangan kekasih berpegangan tangan dan keriangan di pesta hiburan seakan menghina jemaah khusyuk di masjid mereka yang percaya akan balasan pahala ukiran surah suci dan doa sembahyang penuh di dalam mata rindu lebur di dalam gelas bar

bilakah dunia ini akan pecah bercantum menjadi hari perhitungan seperti tembikai di meja

**1996,  
Bandar Baru Bangi**

# Maka terhasillah Cerita Sebuah Rumah Kaca...

Oleh Hipani Alwi

**MULANYA** saya merakamkan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak kerana telah menerbitkan buku antologi puisi persendirian saya yang pertama, *Cerita Sebuah Rumah Kaca* (CSRK). Saya rasa amat bersyukur kerana dapat melihat hasil dalam bentuk buku daripada penglibatan saya di dalam dunia penulisan puisi selama ini. Buku ini telah memberi saya satu kepuasan dan rangsangan untuk saya terus berusaha menghasilkan antologi puisi susulan.

Saya percaya banyak puisi yang dilahirkan oleh sasterawan lahirnya dari jiwa penulis itu dan bukannya atas paksaan ke atas dirinya. Puisi akan lahir atas kerelaan dari jiwanya dan ia akan merecup keluar dengan sendirinya. Sajak dapat difahami, dihayati dan dinilai keseluruhannya dengan meninjau aspek-aspek isi dan teknik. Isi adalah fikiran, fakta dan perasaan yang terkandung di dalam jiwa penulis itu.

Meminjam kata-kata John Keats, seorang penyair Inggeris; 'A thing of beauty is a joy forever: an its loveliness increases; it will never pass into nothingness...' Puisi seperti juga lukisan, ukiran dan fotografi ialah sesuatu yang indah, baik untuk dilihat, didengar atau disentuh. Puisi menggambarkan sesuatu dengan kata-kata. Sekiranya bentuk, makna, mesej atau falsafah yang hendak disampaikannya sesuatu yang indah, maka ia akan kekal untuk masa yang lama, dan mungkin keindahannya akan bertambah dan tidak mungkin tenggelam ke dalam kekosongan.

Kita mudah tertarik dengan lukisan kerana ia lebih jelas. Kalau kita ke galeri lukisan, dan kita terpandang sebuah lukisan yang baik dan amat

menarik, kita akan terus terpikat. Malangnya puisi tidak dipamer sebegitu. Sekiranya puisi dapat disampaikan secara lebih jelas selain sayembara pembacaan puisi, saya kira ia akan dapat memikat penghayat dengan unsur keindahan secara lebih mudah. Bayangkan puisi dapat dipamerkan seperti lukisan dan orang akan sanggup membelinya dengan harga yang mahal. Saya percaya keadaan sebegini akan menjadi realiti sekiranya semua manusia dapat melihat nilai-nilai estetika pada kata-kata.

Berbalik kepada antologi puisi CSRK, proses penghasilan puisi-puisi yang terkandung di dalamnya adalah disebabkan oleh :

- i. Keprihatinan saya dengan keadaan alam sekitar yang semakin rosak oleh perbuatan manusia sendiri.
- ii. Keprihatinan saya dengan keadaan kehidupan di kampung-kampung yang masih terbiar.
- iii. Keinginan saya untuk melihat pembangunan yang dibawa ke kampung biarlah mengharmonikan kehidupan itu sendiri dengan alam.
- iv. Pembunuhan dan penganiayaan sesama manusia, seperti yang berlaku di Bosnia Herzegovina.
- v. Wawasan untuk masa depan manusia (hapuskan kemiskinan, pelihara alam sekitar, tolakkan perperangan).

Sajak *Sepanjang Jalanan ke Bakam II* menggambarkan perasaan saya tentang nasib bangsa. Setiap kali ke Bakam dan menyusur pantai, sepanjang perjalanan saya dapat menggambarkan apa yang akan berlaku sepanjang jalan ini beberapa tahun yang akan datang. Pada ketika ini banyak tanah telah bertukar hak milik. Ke manakah mereka akan pergi?

*Sepanjang jalan ini adalah kampung ne-*  
*layan jangan kita biarkan rumah-rumah kecil terperangkap antara batu-batu kejam megah mendaulatkan laut.*

Saya percaya banyak rumah kecil akan terperangkap antara rumah-rumah besar kepunyaan orang berada. Malangnya orang yang berada ini tidak ada rasa sensitiviti terhadap kesusahan penghuni asal daerah itu. Mereka tidak nampak bahawa kampung kecil itu adalah sebuah kampung yang boleh memberi erti sebuah kehidupan yang sempurna dan aman.

*Rumah-rumah kecil itu adalah teman kehidupan damai manusianya aman permai.*

Bagi saya proses penciptaan puisi itu berbeza daripada individu yang lain. Apabila minda saya tertumpu kepada persoalan-persoalan, idea akan berperang dalam

kotak fikiran. Ia akan melonjak keluar sekiranya saya bertemu dengan ayat mula yang indah dan sesuai dengan persoalan yang hendak dibicarakan saya. Pada awalnya idea yang mengalir keluar itu semacam tidak terurus. Namun ia memiliki objek yang jelas. Kerana objek yang jelas inilah, kata-kata yang keluar semacam tidak terurus tadi dapat membentuk sebuah persoalan yang agak kuat dan selalunya saya tidak begitu perlu untuk memperbaiki atau menukar ayat atau kata-kata lain.

Puisi *Cerita Sebuah Rumah Kaca* timbul semasa berlangsungnya Sidang Rio di Rio De Jeneiro. Tujuan persidangan tersebut adalah untuk mencari jawapan dan tindakan untuk menyelamatkan dunia dari hutan-hutan kita.

Banyaklah kata-kata dan rumusan yang dibangkitkan untuk melihat manusia saling menghormati alam sekitar. Malangnya perbuatan manusia tidaklah sesedap kata-kata yang keluar di Rio De Jeneiro. Kata-kata hanya tenggelam di dalam asap tebal yang dikeluarkan oleh kilang-kilang yang semakin hari semakin bertambah banyak di permukaan bumi ini.

*Demikianlah; cerita sebuah rumah kaca dibangunkan dari sisa-sisa angin dan kuasa-kuasa yang terbakar*

Kuasa-kuasa yang terbakar adalah kuasa yang membakar dunia. Amerikalah pembakar nomor satu. Kilang-kilangnya banyak mengeluarkan asap berasun ke atas umat manusia. Sikap angkuh Amerika terhadap keadauan perundungan dunia kian tercabar selepas secara total menggagalkan Agenda 21 Sidang Bumi di Rio De Jeneiro yang dipersetujui beberapa tahun yang lalu.

Saya perhatikan masalah pencemaran udara adalah berpuncanya dari pembesaran bandar. Apabila sebuah bandar menjadi bandar raya mega, ia memerlukan tenaga yang amat besar dan banyak untuk menjana kehidupan orang bandar. Sekarang tenaga memerlukan banyak pembakaran, dan ini ialah pencemaran. Bandar raya terbesar yang kita inginkan adalah pemusnah umat manusia. Saya inginkan sebuah bandar raya yang kecil tetapi moden. Dengan teknologi komunikasi dan sistem aliran manusia yang sungguh canggih tidak mustahil untuk membangunkan

*CERITA SEBUAH RUMAH KACA*  
*HIPANI ALWI*

Sebaik kota adalah kota kecil kota terpencil di daerah anggun manusia bergerak seakan kilat mobil besar terbang di angkasa hutan belantara adalah kehidupan mobil kecil mencelat di pohonan.

Goenawan Mohamad pernah merakamkan;

*"Apakah puisi seperti Jazz? Boleh jadi bila puisi tidak cuma kata, tidak cuma kalimat yang menuntut kita untuk melotot, tapi juga nada, bunyi, bahkan kebisuan, juga elemen ketidak-sedaran atau jika kita setuju dengan Freud, ungkapan yang terbentuk dari dorongan-dorongan naluri."*

Apabila saya terbaca perenggan ini, saya terasa ada benarnya dan saya bertanya kepada diri saya sendiri, apakah puisi-puisi yang saya hasilkan terbentuk daripada dorongan-dorongan naluri atau juga daripada elemen tidak sedar? Dan saya teringat kepada puisi *Tubuh Yang Meminta*. Puisi ini tercipta secara automatik. Ia terbentuk secara ketidak-sedaran dan boleh digolongkan sebagai 'tulisan automatik'. Saya sendiri tidak berapa pasti akan makna yang ingin disampaikan pada waktu itu, walaupun bayang-bayang maknanya saya nampak.

Bayang-bayang makna yang saya nampak ini ialah manusia sebagai seorang makhluk yang telah dicipta dengan memiliki tahap intelektual yang paling tinggi harus sedar bahawa kehidupan ini memerlukannya menyanyangi dirinya sendiri. Malangnya kebanyakkan manusia tidak sedar bahawa ia harus menyanyangi tubuhnya sendiri dengan perbuatan yang baik tetapi ada juga manusia menghancurkan

tubuhnya dengan dadah dan perkara-perkara lain yang tidak baik. Saya petik rangkap pertama puisi tersebut.

*Dan kita pun bercinta dengan tubuh suara-suara duduk bersendirian menghitung sel-sel patah patah cinta dan penuh makna*

Schiller ada menyebut :

*'Mula-mula puisi hadir dalam musik kata-kata, setelah itu baru tarian makna-makna'.*

dan perenggan terakhir berbunyi:

*Kalaulah duka kita benarkan bercerita dan kita bangunkan panji-panji kita akan berkata kalaulah kita tahu suara-suara hanya menyentuh bayang kita ledakkan saja bumi Bosnia Herzegovina dengan sejuta kebenaran.*

Dari susunan kata-kata ini kita nampak puisi tersebut mula-mula hadir dalam ritma tertentu yang kemudian membentuk idea dalam jalinan kata-kata. Makna di dalam puisi tersebut amatlah jelas kerana ia tidak menggunakan kata-kata yang terselindung. Perlu di tekankan di sini bahawa puisi berbeza dengan muzik, bunyi dalam puisi adalah kata-kata yang penuh bermakna.

Saya tidak mahu membincarkan puisi-puisi yang terkandung di dalam antologi ini satu persatu dan memadailah dengan beberapa buah puisi yang telah saya sebutkan tadi. Secara keseluruhannya apa yang hendak sayaampaikan ialah :

- Jagalah alam sekitar.
- Jagalah orang-orang kampung.
- Hindari segala penganiayaan sesama manusia.

*Kalaulah duka kedukaan meruntun hati kita dan sememangnya kematian banyak kematian mengingkar kebenaran.*

# KISAH DRAMAN

## (Sebuah cerita rakyat Melanau Mukah)

*Diolah semula oleh Jiso Rutan*

DI Kampung Bunut, Mukah, pada suatu masa dahulu ada seorang lelaki yang kebal, gagah dan berani bernama Draman. Pada suatu hari dia telah mendengar kisah tentang keberanian serta kejaguhan dua orang lelaki dari Kampung Tellian, Bapa Taleh dan Merajik. Bapa Taleh menang dalam satu perkelahian dengan orang Iban manakala Merajik telah dikurniakan gelaran PIN oleh Baginda Sultan Brunei.

Setelah mendengar tentang kejaguhan dua orang lelaki dari Kampung Tellian itu, Draman pun teringin juga mencipta sejarah kejaguhan dan keberanian sendiri. Dia lalu berkayuh sampan meniti arus ke Matu Daro dan juga Rajang. Tujuan asalnya ke sana adalah sekadar ingin melihat serta meninjau keadaan di tempat tersebut.

Apabila Draman sampai di Rajang dia telah diuji kejaguhannya oleh sekumpulan penduduk di sana. Akhirnya dia dihalau keluar dari situ. Draman cuba menjelaskan hasrat yang sebenar, tetapi tidak dihiraukan, sebaliknya dia dicaci dan dihina.

"Ah! Engkau bukannya datang untuk melawat tetapi sebenarnya hendak menyamun dan merompak," kata orang di situ.

"Tak usahlah kamu semua susah hati saya datang ke mari bukan untuk merompak atau menyamun harta benda kamu semua. Saya ke sini cuma untuk melawat," jawab Draman.

Sesudah tiga hari Draman berada di Rajang, orang-orang tua di situ pun menyuruh budak-budak kecil supaya menghalau Draman keluar dari situ.

"Budak-budak sekalian, tak usahlah kamu cuba menghalau saya. Saya sendiri pun nak balik, tak perlulah dihalau begini. Tolong beritahu kepada mereka yang menyuruh kamu menghalau saya keluar bahawa saya akan datang semula ke sini. Awal pagi besok saya akan balik," kata Draman.

Keesokan harinya Draman pun menyusur arus dan berkayuh pulang semula ke Mukah. Sesampainya di Mukah, Draman terus pergi berjumpa dengan kawannya Bulong yang tinggal di Tutus. Bulong juga gagah dan kebal orangnya. Draman menceritakan peristiwa yang dialaminya di Rajang kepada Bulong. Mereka pun berpapak untuk menyerang penduduk Rajang.

"Bulong, kau tinggal saja di sini untuk melindungi Mukah. Kita tidak boleh pergi berdua ke Rajang. Biarlah aku seorang saja yang pergi. Andainya aku mati dalam perkelahian nanti, aku masih ada orang harapan di Mukah," kata Draman menasihati Bulong supaya lebih berhati-hati dalam menghadapi sebarang kemungkinan.

"Baiklah, kalau begitu yang kau mahu. Pergilah kau ke sana. Usahlah kan bimbang tentang keselamatan di sini. Tahlulah aku mengendalikannya nanti," jawab Bulong dengan tegas.

Hari itu Draman pun bertolak sekali lagi ke Rajang. Kali ini dia membawa beberapa peralatan tajam seperti tombak, parang dan sumpit yang akan digunakan dalam peperangan menentang orang Rajang nanti. Sebelum dia sampai di sana segala peralatan yang dibawanya itu disembunyikan di hulu Rajang supaya tujuan sebenar kedatangannya tidak diketahui orang.

Apabila dia sampai sahaja di Rajang dan orang ramai terpandang perahunya menghampiri tebing, mereka pun bersedia dengan pelbagai peralatan untuk melawatnya. Mereka mula menyerang Draman dengan pelbagai peralatan tajam buatan tangan. Draman masih berupaya untuk bertahan daripada serangan yang bertubi-tubi itu. Sedikit demi sedikit dia berundur ke belakang, namun pertahanannya tetap kental dan dia pantang menyerah kalah.

Lama-kelamaan orang Rajang mula letih dan penat. Kesempatan itu digunakan oleh Draman untuk berundur ke tempat dia menyembunyikan segala peralatan perang yang dibawanya dari Mukah tadi. Di situalah dia membuat pertahanannya.

Malam itu Draman pun keluar dari tempat persembunyiannya. Waktu malam adalah waktu untuk beristirahat tetapi waktu itualah Draman melakukan serangan balas terhadap orang Rajang. Dia menyumbit ke arah seorang pengawal dengan mata sumpitan yang tajam lagi berbisa. Orang itu menjerit meminta tolong tetapi tiada seorang pun yang datang menolongnya.

Apabila menyedari jeritan orang yang disumbitnya itu tidak dipedulikan orang, Draman pun pergi mendapatkannya tetapi orang itu sudah tidak bernyawa lagi. Maka dia pun lantas menetak kepala orang itu hingga putus. Hujan turun dengan lebatnya, angin bertiu kencang dan guruh serta petir sambung-menyambung mengiringi kejadian itu. Kepala tersebut kemudian dibawanya pulang ke Mukah. Tatkala dia sampai di Mukah sekali lagi hujan turun dengan lebatnya, diikuti angin kencang serta guruh dan petir.

Di Mukah, orang ramai gempar melihat keadaan hujan yang turun bagaikan hujan batu dan begitu sakit apabila terkena badan. Menyedari akan kejadian tersebut, Bulong lalu pun menyuruh sekalian anak buahnya pergi melihat apa yang sebenarnya sedang berlaku. Keadaan yang sebegini menyedarkan Bulong akan kedatangan seseorang. Bulong bersama-sama dengan anak buahnya pergi ke Bunut untuk menyambut kedatangan Draman di Matu.

Beberapa minggu selepas kejadian itu Draman kembali semula meneruskan jejak perantauannya. Kali ini dia bertolak ke Matu pula. Orang Rajang yang mendarikan diri ke Matu dahulu menyedari kedatangan Draman di Matu. "Orang inilah yang menyerang Rajang dahulu," beritahu seseorang yang amat kenal dengan Draman.

Draman mengangguk kepalanya tanda mengerti. Dia menyukai wanita tersebut. Demikian juga dengan wanita tersebut. Mereka saling suka menyukai. Draman pun meminta izin daripada kedua-dua orang tua wanita itu serta orang-orang Matu untuk membawa balik wanita tersebut. Akhirnya wanita itu dibawanya pulang ke Mukah.

Mendengar berita kedatangan Draman, pen-

duduk Matu tidak kira lelaki atau perempuan, tua atau muda pun pergi melihatnya. Sekumpulan wanita itu menghampiri tebing sungai berdekatan dengan persinggahan Draman.

"Akulah Draman yang pernah kamu semua halau dahulu. Kedatanganku kali ini bukan sebagai pelawat tetapi sebagai musuh yang akan memusnahkan kamu semua di Rajang ini. Senjataku kali ini adalah parang yang akan menetak dan memotong kepala musuhku di sini!"

Selepas berkata demikian Draman pun bermahajalela, sesiapa sahaja yang ditemuinya ditetak dan dibunuh. Melihat ke ganas Draman, orang Rajang pun berasa takut. Walaupun demikian mereka tidak mengaku kalah. Mereka menyerang balik se-upayanya akan tetapi Draman tidak tercedera sedikit pun. Ada antara orang Rajang yang berasa takut mendarikan diri ke Matu dan menceritakan kejadian itu kepada penduduk di situ. Mereka mengisyaratkan supaya orang Matu berjaga-jaga, takut kalau-kalau Draman akan melakukan serangan ke atas Matu pula.

Selesai peperangan dengan orang Rajang Draman pun kembali semula ke Mukah. Kepulangannya diiringi dengan hujan panas dan angin ribut. Di Mukah orang Bunut menyedari hujan tersebut menandakan kedatangan dan kepulangan Draman kerana mereka pernah ditimpah kejadian yang serupa sebelum itu.

"Ah! Draman sudah pulang. Patutlah hujan sebegini," kata mereka. "Nama dia tu Lidia Mugi. Dia seorang pesawah dan pada masa sebegini dia masih di sawahnya. Menjelang senja nanti barulah balik," beritahu orang tua itu.

Draman mengangguk kepalanya tanda mengerti. Dia menyukai wanita tersebut. Demikian juga dengan wanita tersebut. Mereka saling suka menyukai. Draman pun meminta izin daripada kedua-dua orang tua wanita itu serta orang-orang Matu untuk membawa balik wanita tersebut. Lama kemudian barulah dia bertanya rupa bentuk kepala yang dimaksudkan.

"Bulong, inilah rupa bentuk kepala yang ku-

bawa balik kali ini," beritahu Draman sambil jari-jari menuding ke arah wanita yang dimaksudkan. Bulong turut terpegun melihat kecantikan rupa paras wanita tersebut.

"Bagus benar rupa kepala yang kaubawa kali ini, Draman. Kalau macam ini bolehlah kaudapat keturunan nanti," kata Bulong. Dia masih memuji kecantikan wanita yang dibawa balik oleh Draman itu. Mendengar pujian itu Draman dan isterinya tersenyum simpul. Beberapa lama kemudian Draman dan isterinya pun dikurniakan seorang cahayamata lelaki yang dinamakan Subok.

Sesampainya Draman di Mukah dia disambut oleh sekalian mereka yang ada. Draman lalu membuka lipat kajang tempat Lidia Mugi berteduh tadi. Keluarlah seorang wanita yang cantik, yang tiada tolok bandingnya.

Inilah kepala kemenangan saya, wanita Matu yang telah menjadi rumah tempat untuk berlindung daripada panas dan hujan dan yang terakhir menjadi lambang kemenangan saya. Pencairan saya selama ini telah membawa ke menangan yang besar. Wanita ini akan menjadi isteri saya," beritahu Draman kepada sekalian mereka yang menyambut kepulangannya. Beberapa hari kemudian mereka pun disatukan menjadi pasangan suami isteri.

Beberapa hari selepas itu, Draman lalu pergi ke rumah Bulong di Tutus. Dia menceritakan kepada Bulong peristiwa yang dialaminya semasa berada di Matu.

"Bulong, kali ini aku betul-betul mendapat satu kepala yang begitu baik serta cukup sempurna sifatnya," beritahu Draman dengan wajah selamba.

Mendengar cerita Draman, Bulong pun pergilah ke rumah Draman untuk melihat kepala seperti yang diceritakan itu. Kedatangannya disambut mesra oleh penghuni rumah tersebut. Lama kemudian barulah dia bertanya rupa bentuk kepala yang dimaksudkan.

"Bulong, inilah rupa bentuk kepala yang ku-

bawa balik kali ini," beritahu Draman sambil jari-jari menuding ke arah wanita yang dimaksudkan. Bulong turut terpegun melihat kecantikan rupa paras wanita tersebut.

"Bagus benar rupa kepala yang kaubawa kali ini, Draman. Kalau macam ini bolehlah kaudapat keturunan nanti," kata Bulong. Dia masih memuji kecantikan wanita yang dibawa balik oleh Draman itu. Mendengar pujian itu Draman dan isterinya tersenyum simpul. Beberapa lama kemudian Draman dan isterinya pun dikurniakan seorang cahayamata lelaki yang dinamakan Subok.

Bali'oi, sekumpulan penduduk dari Rajang pula ingin menyerang Tutus dengan menggunakan hulu Ba'oh menuju ke Segai. Sebelum mereka sampai di Tutus mereka singgah dahulu di sebuah perkampungan di Sitting. Seorang penduduk Sitting telah melihat kedatangan orang Bali'oi itu dan mendengar khabar yang mereka hendak menyerang Tutus. Dia pun berkayuh sampannya ke Tutus untuk memberitahu hal itu kepada Bulong.

Mendengar itu, Bulong pun menggesa semua anak buahnya untuk mengambil rotan *tibow* untuk dibuat penghadang di dalam sungai di bahagian hulu Sungai Tutus. Mereka juga diminta supaya sentiasa berjaga-jaga terhadap serangan yang akan dilakukan oleh orang Bali'oi. Beberapa hari selepas itu, Draman lalu pergi ke rumah Bulong di Tutus. Dia menceritakan kepada Bulong peristiwa yang dialaminya semasa berada di Matu.

Setelah siap penghadang dan segala kelengkapan yang lain itu, orang Bali'oi pun datanglah menyerang Tutus. Bagaimanapun serangan yang mereka lakukan ke atas Tutus tidak berjaya. Hal ini disebabkan perahu dan rakit yang mereka gunakan terkandas dan tersangkut pada rotan penghadang yang dipasang dalam sungai tadi.

Menyedari bahawa orang Bali'oi tidak lagi menyerang Tutus, Draman dan Bulong pun menyuruh bersambung di halaman 15...

# MAMANDA - dari Realitas Tradisi ke Kesenian Populer

Oleh Jakarsi

**SETIDAKNYA** ada tiga hal yang bisa dirujuk apabila teater tradisi Mamanda di Kalimantan Selatan ingin dilihat sebagai seni tradisi. Pertama, Mamanda merupakan sebahagian daripada kesenian rakyat yang menyajikan sistem sosial dan sistem budaya etnik Banjar. Kedua, Mamanda memiliki struktur tetap dari masa ke masa sebagai inspirasi cipta, karsa dan rasa. Ketiga, Mamanda menghadirkan simbol-simbol yang berisi jagat makna dalam menata titik peradaban masyarakat etnik pendukungnya. Ketiga material ini merupakan tonggak yang senantiasa memiliki tingkat kehadiran substansi tradisi untuk memperkuat posisi masyarakat dalam perolehan jati diri.

Kuatnya budaya Melayu dalam memberi warna terhadap lakon Mamanda dapat dilihat dari busana, properti, dan bahasa yang digunakan (Melayu Banjar). Kontekstualitas budaya Melayu yang bersifat terbuka dengan unsur budaya lain menyebabkan teater Mamanda juga tidak bisa mengelak diri daripada karakter itu.

Teater Mamanda mengambil inspirasi cerita dari *Kisah Seribu Satu Malam* yang selalu diramu dan dibumbui dengan unsur-unsur budaya lokal dan nasional seperti politik, pembangunan, ekonomi dan sejarah. Peluang seperti itu telah dimanfaatkan oleh "kekuasaan" sebagai sarana penyampaian pesan-pesan politik pembangunan sekaligus mempertahankan kekuasaan itu. Ruang rekayasa politik memasuki batas demarkasi teater tradisi Mamanda. Hal ini merupakan sebuah krea-

tivitas menuju arah *blue print* kondisi tertentu. Sebetulnya rekada se-macam itu, sah-sah saja terjadi, namun siapa tidak jamin bahawa Mamanda telah menjadi sarana legitimasi sebuah tujuan-tujuan praktis yang tentu saja bertentangan dengan konsep-konsep estetika berkesenian. Rekada pembangunan misalnya, cenderung hanya dipegang oleh pemilik kekuasaan sebagai upaya untuk meraih apa saja dan mempertahankannya dengan segala cara termasuk memperalat kesenian untuk meraih tujuannya. Sebutlah misalnya Pemilu jika penguasa ingin menginformasikan tentang Pemilu, maka Mamanda ikut direkada untuk keperluan itu. Jika penguasa ingin memasyarakatkan Keluarga Berencana (KB), maka Mamanda juga bergelar tentang KB. Jika pemerintah melakukan penerangan pertanian, maka Mamanda juga tidak ketinggalan berperan sebagai penerangnya. Tema-tema ini merupakan rekada politis.

Sebetulnya rekada ini biasa saja dilakukan, tetapi masalahnya jika tujuan-tujuan primer Pemilu, KB, dan pertanian tersebut dilaksanakan sebagai cara mempertahankan kekuasaan dan melestarikannya, maka ini jelas peranannya. Jadilah Mamanda terperosok ke dalam *blue print* rekada politis. Mamanda telah melegitimasi terhadap pihak-pihak yang berupaya agar proyek-proyek KB, pemilu dan pertanian tetap mengalir sebagai jatah tahunan. Mestinya ini bukan Mamanda sebagai bagian pelegitimasiannya. Proses ini adalah rekada kesenian sebagai media pencapaian tujuan politis.

Kesenian pada galibnya selalu membawa misi-misi moral tentang kehidupan. Tetapi dalam tatanan ini, ia akan tetap menempatkan misi-misinya sebagai pembawa aura kehidupan secara positif. Kerana itu, misi-misi kisahan yang diusung Mamanda senantiasa beranekaragam dari kesadaran bersama dalam membangun peradaban dan martabat masyarakat (wacana sosial). Inilah kerangka tradisi yang senantiasa ingin disuarakan oleh "rakyat" yang bukan sesuatu yang berasal dari atas untuk keperluan sebuah legitimasi politis.

Fasa rekada politis merupakan perjalanan yang pernah mendatangi Mamanda dan memanfaatkan kegagapannya dalam memahami zaman yang serba gombal ini. Mengapa rekada politis dapat masuk dengan mudah pada wilayah demarkasi Mamanda? Ini tidak lain kerana tradisi budaya Melayu yang bersifat terbuka memungkinkan masuknya rembesan nilai baru dalam bentuk depolitisasi dan hegemonisasi. Dinding dan pagar Mamanda tidak terlalu kuat menahan tawaran nilai-nilai tersebut. Sebab, dengan modalitas cerita dengan latar istana sentris bererti dengan sendirinya konteks hegemonisasi penguasa selalu dengan mudah dapat berkembang. Tokoh-tokoh yang digambarkan seperti sultan, Wajir, Mangkubumi, Kepala Pertanada, Panglima Perang dan lain-lain telah menjelma ke dalam institusi kekuasaan dan pemberi legitimasi. Inilah yang menjadi jabatan kesedaran yang mempermudahkan rekada politis bisa terserap. Banyak gelar Mamanda yang signifikan dilakukan

oleh instansi pemerintah seperti Deppen dalam setiap tahun panggung penerangan. Mamanda telah terekada untuk terlibat dalam misi-misi *blue print* tertentu.

Sebetulnya jika kita menilik sejarah munculnya teater Mamanda yang berasal dari rombongan kesenian Abdoel Moeluk yang dikenal sebagai komedi Indra Bangsawan dari Malaka, pertama mereka hadir dalam upaya memberi sulingan adat Melayu agar masyarakat beroleh nilai ukhuwah untuk hormat menghormati dalam sisi nilai persaudaraan. Ini bisa ditangkap dari ide-ide cerita yang mereka garap dan diambil dari syair Siti Jubaidah, Hikayat Si Miskin, Hikayat Chandra Hasan, yang kesemuanya membawa misi-misi cerita kemanusiaan dan nasihat-nasihat untuk saling menopang rakyat kecil atau kelompok yang sedang mengalami kesusahan. Di awal-awal penyulingan Abdoel Moeluk ini, Mamanda sering disebut Badamuluk, sebab ide cerita juga diperoleh dari kisah-kisah Abdoel Moeluk. Lama kelamaan Badamuluk menjadi Mamanda. Ini kerana dalam gambaran cerita Badamuluk selalu menyebut pamada sebagai sapaan untuk wajir (penasihat kerajaan). Apa pun permasalahan yang timbul di kawasan kerajaan selalu ditanyakan kepada Wajir sang pemberi nasihat. Morfem dan bentuk-bentuk seperti kakanda, anakanda, adinda bermakna keakraban dan kesayangan. Kebiasaan menyapa Wajir dengan Pamanda inilah yang menjadikan teater ini lebih populer dengan sebutan Mamanda.

Mamanda inspirasi cerita dari *Kisah Seribu Satu Malam*.

Dalam perjalanan selanjutnya, teater Mamanda pun mengikuti kebiasaan komedi Indra Bangsawan dalam memperoleh sumber-sumber cerita daripada *Kisah Seribu Satu Malam*, hikayat dan syair-syair.

Kuatnya gelombang hogemoni kekuasaan dan depolitisasi kesenian sebagai pembawa misi-misi penguasa menjadikan Mamanda terpaksa tarik tambang dengan kekuatan misi kesenian *an sich!* Namun, seirama dengan perubahan masa yang terjadi serta bergulirnya semangat reformasi, maka semakin kuat pula kesangsian terhadap perilaku penguasa terhadap tindakan dan kekuasaannya yang memberi justifikasi dan legitimasi kekuasaan. Mamanda pun kembali pada akar tradisi kesenian masa lalu dengan mengangkat sumber-sumber cerita masa lalu yang menyuarakan dan berpihak pada kejujuran dan rakyat yang tertindas. Untuk itu, Mamanda menjadi tidak segan-segan juga merekada cerita bahawa kejahatan (antagonistik) tidak selalu dipelatuk oleh rakyat tetapi sering pula dilakukan oleh kelompok bangsawan atau keluarga raja sekalipun. Kritik sosial yang dikedepankan, terkadang menjadi lebih berani dan vulgar yang disarangkan kepada penguasa. Pesan-pesan kemanusiaan dan pentingnya mengangkat harga diri dalam kegiatan etos kerja senantiasa tidak kapok-kapoknya untuk disosialisasikan. Ajaran untuk tidak selalu mengobral kesewenang-wenangan selalu juga digarap sebagai relasi keseimbangan antara etika moral dengan kebobrokan.

Sebagai salah satu aset kesenian daerah Kalimantan Selatan, bagaimana


pun gelar-gelar Mamanda dewasa ini tetap akan menyeru pada penampilan sebagai tuntutan mentalitas masyarakat agar tetap memiliki wilayah etika dan moral. Namun, di sisi yang berdampingan, Mamanda juga tetap memperlihatkan performans sebagai komoditi hiburan massa.

Dalam jagat tuntunan, Mamanda tetap mempertahankan seperangkat nilai yang dihadirkan lewat tema-tema kisahan, simbol dan tradisi. Tiga wilayah ini mengajak audiens sambil berhibur untuk menyikapi "kasus-kasus" kehidupan yang cukup berharga untuk ditiru nilai-nilai positifnya. Nilai-nilai ini selalu terkooptasi dalam rekada cerita yang melibatkan gambaran cerita penguasa dengan segala perangkat sistem pemerintahan dan masyarakat sebagai komunitas yang menerima aturan. Dua sisi ini sering dipandang relevan dengan proses dialog budaya hingga berlanjut pada dialektik sikap bermasyarakat. Kisah-kisah dengan menge Depankan segala bentuk antagonistik tokoh menstimulus kesadaran pelaku budaya dalam memaknai proses pembatinan nilai-nilai positif. Serat-serat dialog dan adegan dapat diambil sebagai proses untuk membangun peradaban. Di samping itu, seiring dengan tuntutan rakyat yang telah meluas, Mamanda juga tidak bisa mengelakkan diri dari desakan budaya masa.

Mau tidak mau, sadar atau tidak, Mamanda mengubah citranya dari tradisi menjadi seni tradisional populer, dari seni yang hanya berakses di masyarakat desa menjadi seni yang memasuki lingkungan peradaban baru iaitu masuk dalam wilayah budaya pop. Akan tetapi, perubahan lingkungan ini sama sekali tidak membelenggu teater Mamanda dalam mempertahankan struktur yang sudah menjadi ciri khasnya. Bagian dari garapan populernya hanyalah pada busana, improvisasi, teknik dan ekspresi artistik. Perubahan ini hanyalah realisasi titik singgung yang sering dikhuatirkan orang tentang menyeruaknya budaya masa yang dapat menghilangkan aura seni. Bahagian ini tidak menjadi kekhawatiran asalkan Mamanda tetap memelihara unsur-unsur struktur pentas yang elite berkenaan dengan citra dirinya sebagai kesenian etnik.

**Kuatnya budaya Melayu dalam memberi warna terhadap lakon Memanda dapat dilihat dari busana, properti, dan bahasa yang digunakan (Melayu Banjar).**

**Kontekstualitas budaya Melayu yang bersifat terbuka dengan unsur budaya lain menyebabkan teater Ma-manda juga tidak bisa mengelak diri dari karakter itu.**



SAR - m0303/08

# PUTERA dewasa di alaf baru

Oleh Zainal Abidin Haji Suhaili

DALAM salah satu daripada sesi soal-jawab semasa Perhimpunan Penulis Berbilang Kaum Sarawak pada 4 dan 5 Julai 2000 yang lalu, ada andaian yang bernada pesimis mengatakan persatuan penulis di Sarawak ini tidak akan bertahan lama. Paling tua umurnya hanya menjangkau 10 tahun kemudian mati dan berkubur. Andaian ini dikuatkan lagi dengan tragedi tumbangnya satu demi satu persatuan yang dulunya gagah di arena sastera mi Kenyalang dan kini hanya tinggal nama dan kenangan sahaja. Ini merupakan satu cabaran kepada Persatuan Penulis Utara Sarawak (PUTERA) untuk membuktikan bahawa andaian itu tidak benar dan tepat. PUTERA harus terus bernafas dan membuktikan kesinambungan kewujudannya.

Tahun ini, PUTERA telah menjangkau usia 21 tahun. Usia permulaan melangkah di alam dewasa bukannya lagi alam remaja yang penuh dengan perkara remeh-eh dan suka-suka. Nam dewasa yang memerlukan kematangan dan kebijaksanaan dalam mengatur rancangan dan menggerak perlaksanaan.

Sesuai dengan peningkatan usianya, tanggung-

jawab PUTERA juga turut bertambah berat. Sebagai sebuah persatuan yang telah diterima menjadi badan kerabat Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) dan satunya yang mewakili negeri Sarawak ketika ini, peranan yang dimainkannya haruslah lebih serius dan menyeluruh dalam memperjuangkan dan memperkembangkan bahasa dan sastera Kebangsaan di Bumi Kenyalang.

Untuk memastikan usaha-usaha ke arah itu kesampaian, Ketua I dan seluruh AJK PUTERA telah melakar dan mengenal pasti visi serta misi bagi alaf baru ini seperti berikut:

- a. M e n j a l a n k a n t a n g g u n g j a w a b sebagai Sekretariat Pembangunan Penulis Pelbagai Kaum.
  - b. Berusaha membawa kegiatan kebahasaan dan kesusteraan yang bercorak nasional dan antarabangsa ke negeri Sarawak.
  - c. Mengasuh dan memupuk bakat-bakat muda agar menjadi para penulis yang berjaya di dalam pelbagai genre penulisan.
  - d. Memasyarakatkan sastera kepada orang ramai sebagai usaha memartabatkan bahasa serta mengukuhkan kecintaan kepada negara.
  - e. Menerbitkan sebanyak mungkin karya penulis di dalam pelbagai genre.
  - f. Menambahkan bilangan ahli daripada golong korporat dan profesional.
- Sebagai usaha untuk menterjemahkan segalanya ini ke alam nyata, pada tahun 2000 ini, PUTERA telah menyenaraikan beberapa aktiviti yang telah dan akan dianjurkan. Antaranya termasuklah :-
1. Siri Perbincangan Karya.
  2. Kembara Sastera ke Sekolah.
  3. Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka.
  4. Malam Senandung Puisi.
  5. Bengkel Ulasan Buku.
  6. Pelancaran Antologi Penyair PUTERA.
- Puisi-puisi patriotik mampu untuk menanam dan mengukuhkan semangat cinta akan negara dan menghargai sebuah kemerdekaan di kalangan generasi muda hari ini. Jerih-perih, keringat dan darah para pejuang kemerdekaan yang tumpah tidak

harus dilupakan dan dipersia-siakan begitu saja. Untuk itu, PUTERA akan mengadakan Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka pada malam 30 Ogos 2000 bertempat di Dataran Kipas Miri bersamaan dengan sambutan Hari Kebangsaan. Sayembara ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu Umum dan Pelajar. Tahun ini juga PUTERA akan terlibat dalam menjayakan Bulan Bahasa dan Sastera Peringkat Negeri yang akan berlangsung pada bulan September di Miri.

Dunia Islam sentiasa memerlukan inisiatif yang pelbagai untuk menüpakan keinsafan dan kesedaran terhadap kebesaran Allah. Bagi anak-anak seni penyataan keinsafan ini melalui bait-bait puisi yang dilahirkan daripada ketajaman pemikiran dan hati penyair boleh mengajak masyarakat ke landasan ini. Menyedari hakikat ini, PUTERA dengan kerjasama para pengusaha gerai Piasau Indah, Miri telah menganjurkan Malam Puisi Rohaniah bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul tahun ini pada malam 15 Jun 2000. Majlis itu dipenuhi dengan acara bacaan selawat, bacaan puisi dan persembahan lagu-lagu nasyid. Sebuah antologi kecil yang memuatkan puisi-puisi berunsurkan Islam telah diterbitkan bagi memperingati majlis tersebut. Sambutan dan penyertaan daripada masyarakat setempat adalah amat menggalakkan.

Sebelum ini, PUTERA pernah menganjur dan menyelenggara beberapa aktiviti bahasa dan sastera peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa, Perkampungan Puisi Ke-



"Kita mesti membuktikan PUTERA sebuah persatuan yang ulung di Bumi Kenyalang". Itulah agaknya yang diucapkan oleh pengasas utama PUTERA merangkap Ketua I, Jeli Bohari Biha.

Nanggang, Siti Rokiah Matali, A. Hamid M. Syariff, Monaliza Sharbini William Chan, Clare Cinderella Kum.

Sejak dua tahun kebelakangan ini, PUTERA merasa sungguh bertuah kerana kembali diterajui oleh pengasas utama dan Ketua I sekarang Jeli Bohari Biha. Kepimpinan, pengalaman dan kegigihan beliau merupakan sesuatu yang amat berharga dan menjadi teladan dalam memastikan PUTERA terus menyusuri jalan yang terang dan gemilang. Tahun ini barisan pemimpin PUTERA terdiri daripada adunan orang-orang veteran dan tenaga pelapis. Senarai penuh AJK PUTERA bagi tahun 2000 adalah seperti berikut:-

Ketua I - Jeli Bohari Biha, Ketua II - Dr. Haizam Junaidi, Setiausaha I - Zainal Abidin Haji Suhaili, Setiausaha II - Eddie Abdullah, Bendahari-Sapiah Joll, AJK - Poul

Noor Abby dan beberapa orang lagi. Di samping pernah memenangi beberapa hadiah sastera, mereka ini merupakan penulis yang telah mencipta nama sama ada di peringkat negeri maupun kebangsaan.

Kini terpulanglah pada usaha dan kegigihan para pemimpin dan seluruh kerabat PUTERA untuk merealisasikan segala apa yang dirancang dan diimpikan selama ini. Kita berharap agar pada alaf baru ini sejarah sedih persatuan penulis di Bumi Kenyalang ini tidak kembali berulang. Segala tanggungjawab ini sarat terletak di atas pundak para putera dan puteri PUTERA selama ini tetapi akan dikenang.

Di dalam bidang penulisan pula PUTERA boleh berbangga dengan pencapaian Benedict Talip, William Chan, Poul Nanggang, Hipani Alwi,

*Andaian ini dikuatkan lagi dengan tragedi tumbangnya satu demi satu persatuan yang dulunya gagah di arena sastera Bumi Kenyalang dan kini hanya tinggal nama dan kenangan sahaja. Ini merupakan satu cabaran kepada Persatuan Penulis Utara Sarawak (PUTERA) untuk membuktikan bahawa andaian itu tidak benar dan tepat. PUTERA harus terus bernafas dan membuktikan kesinambungan kewujudannya.*

...sambungan dari halaman 13

orang Tutus memotong rotan yang digunakan untuk mengikat dan mengukuhkan penghadang. Apabila rotan untuk menguatkan penghadang itu diputuskan, air

yang deras melimpah keluar dari penghadang. Orang Bali'oi yang melakukan serangan tadi pun karam dan kebanyakan mereka dirempuh air yang deras. Hanya

beberapa orang yang dapat diselamatkan oleh orang Tutus.

"Kamu ini orang mana dan datangnya pula dari mana?" Tanya Bulong kepada salah seorang yang

berjaya diselamatkan itu. "Kami ini asalnya orang Rajang," jawab seorang yang diselamatkan itu.

"Jadi betullah kamu ini orang Bali'oi yang begitu

berkeinginan hendak menyerang Tutus?" Soal Bulong lagi. "Lain kali jangan kamu buat perkara yang tidak mendatangkan faedah seperti ini! Keadaan yang kamu alami

ini sungguh mengharukan," kata Draman.

Orang Bali'oi yang dapat diselamatkan itu tadi pun diantar kembali semula ke Rajang oleh Bulong dan Draman.

\* Seperti yang diceritakan oleh Pakcik Imus bin Bukul dari Kampung Tellian Ulu, Mukah.

# Jendela Sarawak

PASAR RIA BUKU DILANCIARAKAN DAN SEBUAH RUMAH BACA 2000

Oleh Jaafar Hamid  
2000

اوليه: جعفر حمدا

فاسر ريا بوکو DBP 2000 کالی این، منامهقکن فرکباغن يغ چوکوف مشکلکن سام اد دری سکي کحاضرين ماھوڤون دری سکي جوالن. اف ڤون، يغ لیه فتیع، فاسر ريا بوکو DBP 2000 بر جای دالم اسقیق مشارکتکن بوکو سچارا لیه مپلورووه.

کمریاهن فاسر ريا بوکو DBP 2000 این اکن دلنجوتکن اولیه فیهق فیهدر سفرق شریکت سینز سوجی دسکیتر بندر رای کوچیع دان جوک دمیری، شریکت امومت دسیرامن دان شریکت فوستاک ایدر دسکوله ۲۰۰۰ دسیراف بهاگین دسراوق. سچارا کسلوروهنهن فاسر ريا بوکو DBP اکن سنتیاس منجادی ساتو ڤیستا يغ دنتی ۲ کن. اولیه مشارکة سراوق اونتوق منداختکن بوکو ۲ تربیتن.

برهارف اکر ڦ ماس ۲ يغ اکن داتخ، اد فیهق يغ سودی سچارا اوسمها سام مغادکن فرنتیعن سفرقی HGSK. کاتش لایک، فیهق DBP بر سدیما اونتوق مفهولورکن بنتوان.

کدوا ۲ بوکو تربیوت بولیه ددافتی دسموا اکین DBP دسلوروه ملیسیا. سبارغ فرتاشن لنجوت مغناۓی بوکو تربیوت بولیله مفهوبووغی اوپیت فرنیاکان DBP چاواغن سراوق دتالین


اتاو فيکس 082-444711

082-44470



SAR-m0304/08

Ruangan Jawi



مبنتو مپیرلواسکن فعلومن کند مشارکة سراوق مغناۓی ککیاتن ترسبوط.

ڦ ستیاف هاری سبتو، فاسر ريا بوکو دجالنکن اکتیویتی اونتوق کانق ۲ توروت داداکن. انتاراش، فرتدیعن مورنا، ملوکیس، مپاپی، بر جریتا دان ڦلبائی لایک ککیاتن ترمسوق ککیاتن يغ مغوجی میندا کانق ۲. باکی ستیاف ڦمبیلن يغ منچایی بلین ترنسو، فیهق DBP/SAR جوک مپدیاکن بورغ کوئیز، منکا بوکو دالم باکول دان جوک چابوتن بر تواه. ڦلبائی هدیه جوک دسیدیاکن.

سچارا کانس فوراتا کحاضرين ڦونجوع فاسر ريا بوکو اداله دالم سکیتر امفت راتوس اورغ سهاری.

فاسر ريا بوکو DBP 2000 باکی منداختکن بوکو ۲ تربیتن بلیاو مپارنکن اکر اور گانیسای

کراجان اتاوون سوات مغامیل ڦلواع ملالوءی فاسر ريا بوکو این، فیهق DBP چوبا مشارکتکن بوکو سچارا لیه دکت دان مپلورووه.

ڦ هاری يغ سام، سیدغ اخبار تله دادکن باکی ممبری ڦلواع کند فیهق میدیا منداختکن معلومت سچارا لیه تر فرینچی مغناۓی فاسر ريا بوکو ترسبوط. کیک دتاش مغناۓی سراتانکی ڦرومومی فاسر ريا بوکو این، سچارا تلوس انجیق الرحمن مشاکوءی بهاوا سراتانکی يغ ڦالیع اوتام اداله مزروسي فیهق میدیا. بلیاو میتتا اکر فیهق میدیا دافت ممبری کرجا سام يغ چوکوف کنال اونتوق

سفرقی تاهون سبلومن، فاسر ريا بوکو این مپدیاکن ڦلبائی ڦوتون غن هرگ يغ چوکوف ایستیموا. مجلس ڦراسین فاسر ريا بوکو DBP تله دادکن ڦ ۱۲ جون 2000 دان اولیه انجیق عبد الرحمن یوسف، ڦغاره (DBPCS) . دالم اوچن، بلیاو بر هارف اکر مشارکة سمتخت خصوصن سکیتر بندر رای کوچیع اکر داتخ بر مای ۲ بر کونجوغ گ (DBPCS)

فاسر ريا بوکو دیوان بهاس دان فوستاک اولیه: جعفر حمدا سمقنا اولغ تاهون دیوان بهاس دان تاک ک ۴۴- دیوان بهاس دان فوستاک چاوغن سراوق (DBPCS) تله مقاداکن فاسر ريا بوکو دری 12 جون 2000 هیچک ۵ جولای ۲۰۰۰ . فاسر ريا بوکو ترسبوط بر لغوغ د بالای بودای،

سباپق ۵۷ بواه ڦویسي این بر کیسرکن تنتع کفتیعن عالم سکیتر، ڦباعونن (ٺولیتیق) دان کماءنوسيءن (ٺقراعن). کسماوا ہیمقوون این مروفاکن کولیکی ڦویسي ڦریبادی ھیفني سلاما امفت تاهون یاءیت سچق 1991 ھیعک.

1994 ۶ یغ مناریق، انتولوکی ڦویسي چريتا سبواه رومه کاج، جوک مروفاکن انتولوکی ڦویسي بر کمیر یغ ڦرتام سأومقامن دحاصیلکن اولیه فولیس سراوق.

دالم اوچن ڦلنچرن کدوا ۲ بوکو بر کناءن، انجیق عبدالرحمن یوسف

## محلیس ڦلنچرن بوکو چاتور رغک دان چریتا سبواه رومه کاج

اولیه زیدل جامل

SAR-m0305/08

ڦ ۱۸ جون 2000 لالو، ڦغاره دیوان بهاس دان فوستاک چاوغن سراوق، ٺ عبدالرحمن یوسف، ڦلنچرن کن انتولوکی چریت دان ڦویسي چاتور ملالوءی ببراف اسقیق، مثالن یغ بر صفة اونیورسل، برات، سیریوس دان بر فلسفة. کای چرفین یغ داولهکن اکن مناریق، سراسی دغن کریتیریا یغ دفیلیه اولیه فولیس. ماله اد سکلینتیر فولیس چرفین دالم انتولوکی این دغن بر آنیئ چوبا اونتوق ایکسپریمن دغن کریان ملالوءی قاعده بارو، والا وفون تیمان اداله یاسا سهاج. ایکسپریمن بوکن سکدر ڦ تیما، جوک کند تیکنیق ڦلنچرن. این مموانکن چرفین یغ دحاصیلکن برایدنتیتی دان ممقویاء نیلای ترسنديري، ڦارا فولیس جوک بر افی مشرکتیق سچارا سینیس سوسیوبودای مشارکة سراوق.

چاتور رغک مموانکن داولووه بواه چرفین دان داولووه بواه ڦویسي یغ کسماوا کریا ددالمن مروفاکن ڦمنع اوتم هدیه گالفکن سسترا کپالغ 1993/4 دان جوک ببراف بواه کریا ترباء یق یغ دفیلیه اونتوق دموانکن دالم انتولوکی

بار غکلی ڦ تاریخ 18 جون 2000 جوک مروفاکن هاری یغ بر سچاره باکی ساودارا ھیفني علوی کران ڦ تاریخ تربیوت، انتولوکی ڦویسي بلیاو یغ ڦرتام، چريتا سبواه رومه کاج توروت ڦلنچرن.

انتولوکی ڦویسي چریتا سبواه رومه کاج یغ مموانکن